

BAB 2

KEDUDUKAN WANITA DALAM MASYARAKAT MELAYU KEDAH PRA PENJAJAHAN¹

Sebagaimana juga negeri-negeri Melayu lain, pembahagian masyarakat kepada dua kategori iaitu golongan yang memerintah dan yang diperintah merupakan unsur penting dalam susunan politik dan sosial masyarakat Melayu Kedah pra penjajahan. Kelas pemerintah ditentukan oleh faktor keturunan dan perkahwinan. Golongan ini disokong oleh golongan elit tradisional yang lain yang terdiri daripada bangsawan, pembesar, pemimpin agama, tuan tanah dan orang-orang yang mendapat keistimewaan daripada sultan.² Golongan elit tradisional inilah yang paling awal mendapat kuasa dan kekayaan di peringkat pusat dan daerah sementara penghulu pula merupakan tenaga penggerak pentadbiran yang penting di peringkat kampung dan mukim. Dalam susun lapis sebegini batasan gender tetap ada. Kaum wanita duduk di belakang kaum lelaki dalam hirarki masing-masing dan menikmati atau menanggung beban pencapaian suami atau keluarga masing-masing. Meskipun kelihatan tidak penting, namun dengan kategori sosial yang pelbagai ragam, kaum wanita masih mempunyai peranan tertentu dalam lingkungan kemasyarakatan, ekonomi dan kuasa.

¹ Bab ini merujuk kepada zaman sebelum Kedah menerima pengaruh Barat pada 1909. Meskipun telah sekian lama berada di bawah naungan Siam namun imperialisme Siam agak berbeza daripada imperialisme Barat kerana ia mengamalkan imperialisme tertutup dengan mengenakan keunggulannya ke atas negeri taklukan melalui kebudayaan dan pemerintahan (menyerapkan unsur Siam dalam pentadbiran). Hubungan ini lebih berteraskan hubungan ufti. Sekiranya ufti tidak dihantar, barulah Siam akan menakluk. Penjajahan British pula ditandai dengan kawalan, secara langsung atau tidak langsung, ke atas politik dan ekonomi. Untuk tinjauan lanjut tentang imperialisme dan kolonialisme, lihat Cheah Boon Kheng 1990. "Imperialisme dan Kolonialisme: Beberapa Pandangan," dalam Cheah Boon Kheng dan Abu Talib Ahmad (peny.), *Kolonialisme di Malaysia dan Negara-Negara Lain*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, hlm. 1-16.

² Lihat perbincangan Mohd. Isa Othman 1990. *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, bab 1.

Mobiliti Sosial

Kewujudan susunlapis sosial mengikut status hirarki sedemikian memberi gambaran seolah-olah tidak wujud peluang bagi seseorang daripada susun lapis yang lebih rendah meningkatkan status sosial ke tahap yang lebih tinggi. Oleh kerana keturunan merupakan satu ciri penting dalam masyarakat Melayu tradisional, perkahwinan dengan golongan yang berlainan status dilarang sama sekali dalam kalangan golongan diraja. Jika seorang wanita daripada golongan diraja berkahwin dengan lelaki bukan keturunan diraja, anak-anaknya kelak tidak dapat mewarisi gelaran status diraja. Malah perkahwinan seperti ini lebih merupakan “penurunan pangkat sosial” wanita berkenaan. Sebaliknya, seorang lelaki berketurunan diraja masih boleh memindahkan status keturunan itu kepada anak-anaknya dari isteri yang bukan berketurunan diraja. Malah menjadi kelaziman, sultan-sultan Melayu mengahwini isteri kedua dan seterusnya yang bukan dari keturunan diraja, misalnya, mengahwini anak-anak pembesar. Pemilihan isteri dari keturunan diraja atau dari kalangan anak pembesar sebagai isteri rasmi adalah bertujuan untuk menjaga status dan kemegahan yang sering menjadi ukuran dalam setiap hal bagi golongan diraja.³

Dalam keadaan sebenar, mobiliti sosial masih boleh berlaku dalam masyarakat Melayu sebelum penjajahan. Mobiliti menegak masih boleh dicapai melalui perkhidmatan dan juga perkahwinan. Sejarah masyarakat Melayu Melaka membuktikan Hang Tuah meningkatkan tarafnya daripada seorang rakyat biasa kepada kelas bangsawan dengan gelaran Laksamana setelah memberi perkhidmatan dengan penuh taat setia kepada Sultan. Selain daripada rakyat Melaka, orang asing juga berpeluang

³ J. M. Gullick 1972. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 106-109.

menikmati mobiliti menegak. Salah satu contoh ialah Khoja Baba, orang Parsi yang sama-sama terlibat dalam perperangan semasa Melaka mengalahkan Kampar. Beliau akhirnya dianugerahkan gelaran Akhtiar Muluk dan Tun yang akhirnya masuk ke dalam kelas bangsawan Melayu.⁴ Di Kedah, kebijaksanaan beberapa orang pedagang dari India yang dilantik menjadi *Saudagar Raja* turut meninggalkan pengaruh tertentu kepada Kesultanan Kedah. Dato' Stia Raja atau nama asalnya, Ismail, hanyalah seorang kuli sewaktu datang ke Kedah tetapi kerana kebijaksanaan dan usaha gigih akhirnya muncul sebagai *Saudagar Raja* yang berpengaruh yang mampu menyingsirkan sesiapa sahaja yang dilihat boleh mengugat kedudukan dan pengaruh beliau ke atas golongan pemerintah.⁵ Selain Dato' Stia Raja, seorang lagi *Saudagar Raja* yang mempunyai kedudukan yang kukuh di Kedah ialah Jamal yang juga bijak memanipulasikan kepercayaan sultan terhadap beliau dengan mewujudkan jalinan hubungan dagang dengan Francis Light di Pulau Pinang untuk keuntungannya sendiri.⁶ Kejayaan yang dicapai oleh golongan *Saudagar Raja* turut dikecapi oleh anak isteri masing-masing. Malang sekali di Kedah, kisah kaum wanita golongan penghijrah tidak diketahui berbanding dengan di Melaka. Di Melaka, kisah isteri Utimutiraja, yang menggunakan

⁴ Lihat, Muhammad Yusoff Hashim 1989. *Kesultanan Melayu Melaka: Kajian Beberapa Aspek Tentang Melaka Pada Abad ke-15 dan Abad ke-16 dalam Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 301-302.

⁵ J. R. Logan 1855. "Plan for a Volunteer Police in Muda Districts, Province Wellesley, submitted to Government," *JMBRAS*, no. 16, hlm. 198.

⁶ Lihat, Barbara W. Andaya 1978. "The Indian *Saudagar Raja* (The King's Merchant) in Traditional Malay Courts", *JMBRAS*, 51 (1), hlm. 13-35. *Saudagar Raja*, sebagaimana juga yang terdapat di negeri-negeri Melayu lain seperti Melaka yang awal, Palembang, Aceh dan sebagainya, terdiri daripada orang India-Muslim atau bukan Islam. Setelah sekian lama bergiat dalam perdagangan di rantau Asia, golongan ini mula mendapat kepercayaan daripada pemerintah negeri-negeri Melayu yang memonopoli sepenuhnya perdagangan. *Saudagar-saudagar Kling* ini diserahkan tanggungjawab untuk menguruskan perdagangan raja lalu dikenali sebagai *Saudagar Raja*. Kelebihan dari segi keupayaan berkomunikasi dengan bangsa-bangsa Eropah dan Asia menjadikan golongan ini dipandang tinggi oleh pemerintah dan rakyat. Golongan *Saudagar Raja* biasanya bijak menggunakan kepercayaan yang diberi untuk mewujudkan jaringan perdagangan sendiri dengan menggunakan segala kemudahan yang diberikan oleh raja. Sejauhmana mereka ingin berpengaruh bergantung pula kepada hasrat dan cita-cita individu. Ada yang berhasrat menguasai lebih dari kejayaan ekonomi dengan memasuki ruang kuasa secara beransur-ansur untuk mendapatkan kepercayaan daripada pemerintah. Kekayaan seorang *Saudagar Raja* menyamai 10 orang raja Melayu. Pergaulan dengan golongan diraja dan bangsawan dengan sendirinya meningkatkan status dan maruah golongan tersebut.

kekayaan untuk merasuah Pateh Kader, pengganti Utimutiraja di Upeh bagi menjatuhkan Portugis yang telah menjatuhkan hukuman bunuh ke atas suami, anak lelaki dan seorang cucu lelaki pada 27 Disember 1511 merupakan salah satu contoh kekayaan yang diwarisi isteri-isteri saudagar asing yang berpengaruh di Kesultanan Melayu itu.⁷

Dalam kalangan wanita, perkahwinan merupakan satu-satunya saluran bagi meningkatkan mobiliti sosial. Mobiliti yang dicapai menerusi perkahwinan ini juga turut memberi faedah kepada keluarga masing-masing. Biasanya mobiliti ini hanya melibatkan golongan pembesar kepada golongan diraja. Tun Fatimah merupakan satu contoh mobiliti menegak iaitu daripada seorang anak Bendahara, beliau diangkat taraf menjadi Raja Perempuan Melaka. Mobiliti sebegini, walau bagaimanapun, jarang berlaku. Memang ramai wanita samada dari orang kebanyakan, anak pembesar, anak orang asing daripada kaum Cina, Keling dan Parsi yang dikahwini dan dijadikan gundik yang kemudiannya melahirkan anak yang boleh menduduki kelas kerabat dengan memakai gelaran “raja” atau “raden” dan “paduka” seperti Paduka Seri China dan Paduka Mimat, iaitu dua orang putera Sultan Mansor dengan isterinya seorang wanita Cina. Begitu juga dengan Raden Kelang iaitu anak Sultan Mansor dengan isterinya anak seorang Jawa. Namun kemungkinan wanita-wanita di atas menduduki kelas kerabat adalah tipis.⁸

Di Kedah, selain *Hikayat Merong Mahawangsa* yang menonjolkan peristiwa peningkatan mobiliti sosial seorang wanita rakyat biasa ke taraf Raja Perempuan,

⁷ Lihat, M. L. Pintado 1993. *Portuguese Documents on Malacca*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, hlm. 191-193

⁸ Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, hlm. 300-301.

sumber sejarah yang lain tidak menyatakan perkara ini. Dalam hikayat tersebut, Raja Perempuan, isteri Raja Besiung dikatakan anak seorang Melayu yang akhirnya meningkatkan status sosial menjadi “Raja Perempuan” setelah mengahwini Raja Besiung.⁹ Mobiliti sosial yang kerap berlaku dalam golongan pemerintah di Kedah melibatkan anak-anak perempuan pembesar yang kemudiannya meningkatkan status menjadi isteri pertama sultan. Perkahwinan antara sultan dengan wanita dari keluarga pembesar sebenarnya merupakan satu proses yang bertimbang balik. Sultan memerlukan sokongan pembesar untuk memastikan kedudukan mereka di atas takhta lebih terjamin sementara pembesar memerlukan sultan untuk mengesahkan pengaruh dan kedudukan mereka di peringkat pusat dan daerah.¹⁰ Perkahwinan ini semakin mengukuhkan pengaruh keluarga seseorang pembesar dalam politik negeri Kedah sementara kaum wanitanya pula berpeluang menggunakan kedudukan dan jaminan sokongan daripada pembesar tertentu untuk menaikkan anak masing-masing di atas takhta kerajaan. Wan Mat Saman bin Wan Ismail, Perdana Menteri Kedah sejak 1870 hingga 1898, mempunyai pengaruh yang kuat dalam perjalanan pentadbiran politik negeri itu kerana beliau bersaudara dengan Wan Hajar, bonda Sultan Abdul Hamid. Perkahwinan antara Wan Hajar dengan Sultan Ahmad Tajuddin III (1854-1879) telah diatur oleh Wan Masheran bt. Dato Seri Paduka Maharaja Sura Raja Bendahara, isteri Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah I (1843-1854) sebagai membala jasa Wan Ismail dalam mengenepikan percubaan Raja Muda Tunku Muhammad Said merampas kuasa selepas kemangkatan Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah I.¹¹ Perkahwinan ini ternyata mengukuhkan pengaruh keluarga Wan Ismail dalam politik negeri Kedah. Mereka turut

⁹ Lihat, Siti Hawa Salleh (peny.) 1991. *Hikayat Merong Mahawangsa*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 42-60.

¹⁰ Mohd. Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah*, hlm. 40.

¹¹ J. M. Gullick 1983. “Kedah 1821-1855, Years of Exile and Return,” *JMBRAS*, 56 (2), hlm. 70.

dilantik menjadi pembesar daerah yang biasanya disandang oleh kerabat diraja. Haji Wan Ismail, misalnya, dilantik sebagai pembesar Langkawi. Wan Yahya Wan Mohd. Taib dilantik sebagai pembesar daerah Changlun yang pertama. Wan Abdullah pula dianugerahkan daerah Kota Kuala Muda. Daerah Yan, Padang Terap dan Baling meskipun hanya wujud pada 1906 tetapi memang ada pembesar yang mentadbir daerah tersebut sebagai mewakili sultan. Daerah Yan pada mulanya ditadbir oleh Tunku Muhammad Kassim tetapi kemudiannya digantikan oleh ipar Sultan Abdul Hamid iaitu Syed Osman.¹²

Selain keluarga Wan Ismail, terdapat ramai lagi orang bergelaran Wan yang berpengaruh dalam pentadbiran negeri Kedah. Semasa Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah I memerintah, salah seorang yang sering ditugaskan menjaga negeri Kedah semasa baginda ke Siam ialah Wan Ibrahim, anak Dato' Bendahara. Wan Ibrahim merupakan ipar kepada Sultan Zainal Rashid kerana beliau bersaudara dengan Wan Masheran.¹³ Asal usul golongan Wan tidak diketahui namun di Kedah terdapat dua versi yang berbeza mengenai kemunculan golongan tersebut. Pertama, gelaran ini dikatakan diberikan kepada orang Melayu peranakan India yang mendapat kedudukan penting dalam masyarakat sementara satu lagi versi mengaitkan kemunculan golongan Wan ini daripada kerabat diraja yang disingkirkan kerana menderhaka kepada sultan.¹⁴

Golongan diraja Kedah juga menerima satu kumpulan orang luar sebagai berstatus sama dengan mereka kerana kumpulan ini dianggap berketurunan daripada

¹² Mohd. Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah*, hlm. 56.

¹³ Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad 1968. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 185.

¹⁴ Jusoh Ahmad 1971. "Asal Usul 'Wan' dan 'Tuan,'" *Mastika*, Disember, hlm. 21-23.

A511141552

Nabi Muhammad s.a.w. Kumpulan ini memakai awalan “Syed” dan “Sharifah”. Kebanyakan golongan syed di Tanah Melayu berasal dari Hadramaut di selatan Semenanjung Arab dan telahpun berada di rantau Asia Tenggara sejak abad ke-16. Mereka terkenal sebagai golongan pedagang dan ulama. Oleh kerana hubung kait dengan nasab keturunan Nabi Muhammad s.a.w., perkahwinan golongan diraja lelaki dan wanita dengan golongan Syed atau Sharifah dianggap tidak akan menurunkan status sosial kerana mereka berkahwin dengan keturunan Nabi. Contoh perkahwinan yang melibatkan golongan diraja dengan keturunan Syed ialah semasa pemerintahan Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II (1798-1804) yang telah mengahwinkan puterinya, Tunku Safiah, dengan seorang peranakan Arab bernama Syed Harun Jamalullail yang tinggal di Arau. Sejak itu daerah Arau dikurniakan kepada Tunku Safiah dan suaminya, Syed Harun Jamalullail sebagai pesaka turun temurun hingga ke anak cucu. Surat kuasa penyerahan Arau itu diserahkan kepada Syed Harun pada 1797.

Selepas Syed Harun, tugas sebagai penghulu Arau diambilalih oleh anaknya, Syed Husain Jamalullail iaitu anak Syed Harun dengan seorang lagi isteri yang bernama Wan Fatimah. Wan Fatimah kemudiannya muncul sebagai tokoh penting di sebalik pelantikan Syed Hussain sebagai Raja Perlis yang pertama. Antara 1821 hingga 1842, Kedah dan Perlis berada di bawah taklukan Siam. Sultan Ahmad Tajuddin menuju ke Pulau Pinang untuk mencari perlindungan dan tinggal di negeri itu sehingga 1831 dan kemudian berpindah ke Melaka. Penghulu Arau, Syed Hussain Jamalullail juga berlindung di Pulau Pinang tetapi kemudiannya kembali semula ke Perlis. Pada sekitar 1840, berita tersebar ke Arau bahawa Raja Siam akan menyerahkan kembali Kedah kepada Sultan Ahmad Tajuddin dengan syarat Kedah kekal sebagai negeri naungan Siam dan menghantar bunga emas ke Siam setiap tiga tahun.

Apabila berita pemulihan kesultanan Kedah tiba kepada pengetahuan Wan Fatimah, beliau terus bertindak memanggil semua pembesar dan penghulu, panglima dan orang tua-tua yang terdapat dalam negeri Perlis datang mengadap. Tujuan Wan Fatimah menjemput mereka ialah untuk mengarang sepucuk surat sembah kepada Raja Ligor memohon supaya Syed Hussain Jamalullail dilantik sebagai Raja Perlis dan meminta semua yang hadir menandatangani surat tersebut sebagai pengakuan bersetuju dengan pemilihan tersebut. Wan Fatimah kemudiannya mengarahkan beberapa orang pembesarnya membawa surat itu ke Ligor untuk dipersembahkan kepada Raja Ligor. Raja Ligor bersetuju melantik Syed Hussain Jamalullail sebagai Raja Perlis dengan syarat yang sama seperti penyerahan Kedah iaitu menghantar bunga emas setiap tiga tahun sekali.¹⁵ Dalam sejarah negeri-negeri Melayu, peristiwa ini membuktikan bahawa wanita terutamanya bonda raja memainkan peranan yang penting dalam menaikkan anak lelaki ke atas takhta. Dalam kes Wan Fatimah, beliau bertanggungjawab menaikkan status sosial anak lelakinya daripada seorang penghulu kepada seorang sultan dan menukar taraf Perlis daripada sebuah daerah kepada sebuah kerajaan.

Pemisahan Perlis daripada Kedah sedikit sebanyak menimbulkan ketegangan dalam hubungan Kedah-Perlis. Justeru itu untuk mengeratkan semula hubungan antara keluarga Diraja Perlis dengan keluarga Diraja Kedah, Syed Hussain Jamalullail telah berkahwin dengan Tunku Nur Aishah bt. Tunku Long Putih. Tunku Jamjan, isteri Tunku Long Putih adalah adinda Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II.¹⁶ Sultan Abdul Hamid (1881-1943) merupakan satu lagi contoh Sultan yang mengahwini beberapa orang wanita golongan Syed iaitu Syarifah Seha, Syarifah Fatimah dan

¹⁵ Haji Buyong Adil 1981. *Sejarah Perlis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 9-15.

¹⁶ *Ibid.*, hlm. 22.

Syarifah Mariam. Golongan Syed juga memasuki kelas pemerintah apabila mereka mengahwini puteri sultan atau kerabat diraja yang lain. Anak-anak mereka tetap diiktiraf sebagai kerabat diraja meskipun memakai awalan nama Syed atau Syarifah.

Dalam sejarah kesultanan Kedah, perkahwinan politik ini bukan sahaja melibatkan perkahwinan kerabat Kedah dengan puteri-puteri sultan negeri lain malah juga mengahwini anak-anak perempuan golongan bangsawan Siam. Ini bermaksud golongan diraja bersedia mengenepikan soal darah keturunan atas sebab-sebab kepentingan politik. Perkahwinan ini dilangsungkan demi menjaga hubungan baik yang telah wujud sekian lama dengan Siam. Dalam banyak hal, perkahwinan sedemikian menguntungkan kerajaan Kedah kerana dengan sendiri ia dapat mengelakkan tekanan daripada pihak Siam. Sultan Ahmad Tajuddin III (1854-79), sewaktu membuat lawatan ke Siam pada 1855, telah mengahwini Wan Jah bin Luang Nik Abidin, anak Raja Patani yang telah dibela sejak kecil lagi oleh seorang Menteri Siam walaupun Sultan Kedah itu telahpun beristerikan Wan Hajar. Malah di pihak kerabat diraja Kedah sendiri, mereka menyambut kepulangan Sultan Ahmad Tajuddin dan isteri barunya itu dengan adat istiadat diraja secara besar-besaran kerana perkahwinan ini dilihat sebagai satu rahmat besar dari segi memperkuatkan hubungan Kedah dengan Siam. Seorang lagi sultan yang beristerikan beberapa orang wanita Siam ialah Sultan Abdul Hamid Shah. Antara isteri berbangsa Siam yang paling disayangi Sultan Abdul Hamid ialah Che Manjalara.¹⁷ Walau bagaimanapun, berbeza dengan perkahwinan dengan golongan Syed yang akhirnya memberi peluang kepada golongan tersebut muncul sebagai golongan elit yang penting di Kedah, perkahwinan

¹⁷ Che Manjalara ialah anak kepada seorang Pegawai Daerah di Nonthaburi semasa pemerintahan Rama kelima.

dengan wanita Siam tidak diikuti dengan kemasukan pengaruh bangsawan Siam ke negeri Kedah. Ini adalah kerana wanita Siam hanya diringi oleh sebilangan kecil dayang sahaja sewaktu masuk untuk menetap di Kedah.

Wanita Kerabat Diraja dan Bangsawan

Sebenarnya tiada perbezaan besar dari segi cara hidup antara wanita kerabat diraja dengan wanita bangsawan. Masing-masing menikmati kemewahan hidup kerana pengaruh suami. Bezanya, wanita kerabat mendiami istana sementara isteri dan anak-anak pembesar dan elit tradisional yang lain mendiami rumah-rumah besar yang terletak dalam daerah tertentu yang ditadbir oleh suami mereka. Walaupun terpisah namun hubungan antara kedua-dua pihak masih terjalin kerana wanita dan anak-anak bangsawan (lelaki dan perempuan) biasanya ditugaskan menjadi pengiring permaisuri dan kerabat dalam majlis tertentu atau sewaktu mengadakan lawatan ke Siam.

Istana, sebagai tumpuan aktiviti politik dan lambang keunggulan tamaddun Melayu, juga menyimpan sejarah tentang kaum wanita. Di sinilah raja bersemayam dengan penuh adat istiadat dan dikelilingi kaum kerabat wanita. Wanita kerabat diraja terdiri daripada permaisuri, gundik, bonda, nenda, puteri dan cucunda sultan. Mereka dikenali dengan gelaran “Tunku”. Golongan yang bergelar “Tunku” tetapi bukan dalam kategori kerabat diraja boleh dirujuk sebagai kerabat biasa atau seperti kerabat am di Trengganu.¹⁸ Walau bagaimanapun, terdapat juga golongan “Tunku” yang bukan dalam lingkungan kerabat diraja tetapi mempunyai persaudaran jauh dengan kerabat diraja. Mereka dikenali dengan awalan “Ku” dan dipercayai berasal daripada golongan

¹⁸ Shahril Talib 1984. *After Its Own Image: The Trengganu Experience 1881-1941*, Singapore: Oxford University Press, hlm. 10-11.

kerabat diraja juga pada suatu ketika dahulu tetapi berkemungkinan status sosial mereka semakin menurun akibat berkahwin dengan wanita biasa. Walaupun jauh daripada golongan kerabat, pengaruh orang yang mempunyai awalan nama “Tunku” atau “Ku” ini tentulah masih terasa dalam masyarakat Melayu. Sekurang-kurangnya masyarakat tetap menghormati mereka kerana masih dikaitkan sebagai golongan berdarah raja.¹⁹

Kehidupan wanita kerabat dipenuhi kemewahan. Mereka diringi dan dilayani oleh sekumpulan lagi wanita yang hidup di istana iaitu dayang dan inang pengasuh. Imej dan peranan yang dimainkan oleh wanita kerabat adalah pelbagai. Mereka bukan sahaja melahirkan zuriat untuk mengukuhkan nasab keturunan diraja malah juga menjadi pengukuh hubungan antara keluarga dan kerajaan melalui perkahwinan. Kelahiran baka-baka yang baik ini penting dalam meneruskan hayat sesebuah kerajaan. Setiap anak yang dilahirkan oleh permaisuri sudahpun menunjukkan sifat-sifat yang bakal mencemerlangkan kerajaan yang bakal diwarisi sejak awal kelahiran lagi seperti memiliki sifat gagah berani, baik rupa paras dan sebagainya.

Dalam masyarakat Melayu tradisional, kelahiran baka yang baik lebih dikaitkan dengan faktor asal usul keturunan permaisuri sendiri. Wanita berdarah raja dipercayai dapat melahirkan zuriat yang baik dan berdaulat. Mobiliti sosial dari status sosial yang rendah kepada yang tertinggi amat ditentang oleh masyarakat kelas atasan. Dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*, perkara ini amat ditonjolkan. Sekurang-kurangnya berlaku dua kali penentangan raja terhadap pemilihan isteri oleh putera-putera mereka. Tentangan terhadap pemilihan wanita yang tidak sesuai sebagai calon isteri ini

¹⁹ Lihat, Jusoh Ahmad 1974. “Megat” dan “Ku” berasal dari Kedah?” *Mastika*, Januari, hlm. 87-89. Di Kedah, masyarakat yang memakai awalan “Ku” ini masih terdapat di Pulau Maharaja, Kodiang, Kampung Pering dan Padang Sira.

merupakan satu amaran bahawa soal taraf, keturunan dan bangsa perlu diberi keutamaaan dalam sesuatu perkahwinan diraja. Sejarah awal negeri Kedah, berdasarkan hikayat tersebut, bermula dengan satu perkahwinan daripada status yang berlainan iaitu antara Raja Merong Mahawangsa dengan seorang wanita berketurunan gergasi (bukan keturunan diraja). Perkahwinan ini mendapat tentangan hebat daripada ibubapa anak raja tersebut. Kaum gergasi di sini lebih merujuk kepada manusia yang bertubuh besar dan mempunyai kemampuan luar biasa. Dengan kelebihan tubuh besar dan gagah perkasa, kaum gergasi seringkali dikerah membuka negeri oleh raja-raja Kedah. Sesetengah penulis mengaitkan kaum gergasi dengan kaum asli atau Orang Laut yang berbadan agam. Mereka dikatakan mengamalkan adat perpatih dan keturunan kaum ini masih boleh dikesan di Pulau Adang dan Pulau Terutau di utara Pulau Langkawi.²⁰ Sesetengahnya pula menyebut golongan ini berasal dari rumpun Semang dan mempunyai dua siong di sebelah kiri kanan mulutnya, warna kulitnya hitam, berambut kerinting, bertubuh besar, tinggi dan suka makan orang.²¹ Pengkaji seperti James Low pula menganggap golongan ini berasal dari satu suku kaum yang dipercayai berbangsa Siam berdasarkan nama-nama kaum tersebut seperti Nang Miri, Nang Su Taman, Parak dan Phra Chesim yang berbau Siam. Low juga percaya suku Samsam yang menjadi sebahagian daripada penduduk negeri Kedah adalah berasal dari suku kaum gergasi.²²

²⁰Haji Ibrahim Ismail 1987. *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*, Kedah: Jawatankuasa Penerbitan Universiti Utara Malaysia, hlm. 10. Lihat, *Kamus Dewan* (edisi ketiga), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994; Dari sudut bahasa, gergasi mempunyai dua maksud. Pertama, ia merujuk kepada bentuk fizikal manusia yang bertubuh badan besar seperti gergasi, yang suka makan orang, raksaksa atau bota. Maksud kedua lebih merujuk kepada kiasan iaitu ditujukan kepada seseorang yang bertubuh badan besar dan mempunyai kemampuan luar biasa.

²¹Mustafa bin Tam 1962. *Tawarikh Salasilah Negeri Kedah*, tanpa penerbit, tersimpan di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

²²James Low 1849. “A Translation of the Kedah Annals Termed Marong Mahawangsa; And Sketches of the Ancient Condition of some of the Nations of Eastern Asia, with references to the Malays,” *JIAEA*, 3, hlm. 20-21.

Satu lagi contoh perkahwinan yang berlainan status dan darah keturunan ialah antara Raja Seri Maha Inderawangsa (Raja keempat) dengan cucu Nang Miri seorang perempuan gergasi. Perkahwinan ini ditentang keras oleh Raja Seri Mahawangsa (Raja ketiga) atas sebab soal keturunan:

Tiada sama bangsanya dengan kita, kalau-kalau siapa tahu akhirnya beroleh anak dengan perempuan itu menurut hawa nafsu kaumnya, iaitu gergasi, masuk fitnah makannya itu.²³

Perkahwinan ini kemudiannya melahirkan Raja Ong Maha Perita Deria, Raja Kedah kelima atau lebih dikenali sebagai Raja Besiung. Raja Besiung amat ditakuti oleh rakyat kerana kezalimannya yang dikiaskan melalui gambaran sultan suka makan darah dan hati manusia.²⁴ Samada cerita dari hikayat ini benar-benar difahami oleh golongan diraja atau tidak namun amat jelas, soal bangsa atau kalau tidakpun kerana keperluan politik (sebagaimana yang terlihat dalam motif mengahwini wanita Siam), dan soal keturunan masih menjadi pertimbangan utama golongan diraja termasuk di Kedah dalam menentukan calon isteri bakal raja. Ia juga dapat menjelaskan mengapa soal “darah keturunan” dan “sebangsa” sentiasa menjadi pendorong utama mengapa perkahwinan sesama anak raja termasuk dengan anak raja di negeri lain diaturkan. Selain bertujuan diplomatik, perkahwinan yang sama taraf dari segi darah keturunan penting untuk menjamin nasab keturunan orang-orang berdarah raja tidak pupus dan juga penting untuk menghasilkan pemerintahan yang dilihat berdaulat di mata rakyat. Sehingga abad ke-20, isu perkahwinan “sebangsa” kalaupun tidak “sedarah” (bukan keturunan diraja tetapi masih dalam lingkungan kelas atasan) masih dipentingkan kepada anak-anak raja Melayu termasuk menerusi penguatkuasaan undang-undang. Kontroversi perkahwinan Tunku Yahya dan Tunku Mohamed Jewa dengan wanita Eropah menyebabkan kerajaan

²³ Siti Hawa Salleh, *Hikayat Merong Mahawangsa*, hlm. 41.

²⁴ *Ibid.*, hlm. 41-60.

Kedah pada 6 Ogos 1931 telah meluluskan undang-undang yang melarang mana-mana kerabat dan pelajar-pelajar dari negeri Kedah yang menuntut di luar negeri dengan pembiayaan kerajaan berkahwin dengan wanita asing termasuk wanita Eropah tanpa mendapat kebenaran daripada kerajaan. Kerabat diraja yang melanggar peraturan ini akan disingkirkan daripada golongan kerabat yang mengakibatkan mereka kehilangan segala kedudukan istimewa dan tidak dibenarkan berkhidmat dalam kerajaan Kedah.²⁵

Meskipun mobiliti sosial rakyat bawahan kepada kelas atasan sangat ditentang, hubungan antara pemerintah dengan rakyat tetap penting dan direalisasikan menerusi sistem kerah. Ia tidak ada bezanya dengan apa yang diamalkan di Trengganu dan Kelantan. Di Trengganu, misalnya, rakyat boleh menduduki dan mengusahakan tanah tetapi tertakluk kepada syarat menyerahkan 1/10 daripada hasil tanaman kepada sultan dan juga melaksanakan perkhidmatan kerah.²⁶ Di Kedah, pembesar yang merupakan pentadbir bagi pihak sultan bertanggungjawab dalam soal memungut cukai dan sewa tanah serta mengerah rakyat. Di bawah sistem kerah, setiap rakyat diwajibkan berkhidmat kepada kerajaan dan sebagai ganti mereka dikecualikan daripada membayar sewa tanah. Kerapkali pula perkhidmatan ini melibatkan orang berhutang yang terpaksa membayar hutang kepada sultan dalam bentuk perkhidmatan, misalnya, mengerjakan sawah dan sebagainya. Hubungan ini merupakan hubungan dua hala. Sultan melindungi dan adakalanya memberikan makan minum kepada rakyatnya dan rakyat pula mengerjakan suruhan raja. Rakyat masih menikmati sedikit kebebasan di bawah sistem kerah kerana mereka dibenarkan tinggal di kampung masing-masing meskipun

²⁵ Lihat SUK Kedah 2998/1349 *Secretary to Government, Alor Setar, 26 Mac 1931. Marriages of Kedah Ruling House Members with Persons belonging to foreign nation; SUK Kedah 1386/1349 British Adviser, Alor Setar, 20 April 1931. The Ruling House Enactment, 1349.*

²⁶ Shaharil Talib, *After Its Own Image*, hlm. 31.

tertakluk kepada arahan kerah. Begitu juga dalam amalan hamba berhutang, ada di kalangan tuan mas (pemutang) yang membenarkan hamba berhutang tinggal di kampung halaman masing-masing tetapi mesti berkhidmat kepada tuan mas dalam tempoh-tempoh tertentu, misalnya, sewaktu musim menanam padi. Walau bagaimanapun, sultan sebenarnya berhak untuk mengerah rakyatnya samada hamba, orang berhutang dan orang-orang bebas pada bila-bila masa yang dia kehendaki.

Majlis perkahwinan dan kelahiran anak-anak raja merupakan satu petanda kehadiran orang suruhan raja di kampung-kampung untuk mengambil gadis-gadis untuk dijadikan inang dan pengasuh di istana. Untuk memudahkan proses tersebut adakalanya pembesar daerah dan penghulu terlebih dahulu mencari dan mengumpulkan gadis-gadis kampung yang akan dibawa ke istana. Sebagai contoh, sewaktu Sultan Abdul Hamid mengadakan majlis perkahwinan untuk lima orang anaknya pada 1906, rakyat dari seluruh daerah telah dikerah untuk membina balai, membersihkan jalan raya dan bandar Alor Setar. Kaum wanita pula dikerah ke istana untuk membantu kerja menghias dan menyediakan kelengkapan barang hantaran untuk majlis pertunangan dan perkahwinan. Beberapa bulan sebelum majlis dilangsungkan setiap daerah diarahkan menderma makanan dan menghantar rakyatnya secara berkumpulan. Mereka bekerja tanpa dibayar gaji sebaliknya diberikan makanan percuma oleh sultan. Setiap kumpulan pekerja dibekalkan dengan dua ekor kerbau dan seguni beras setiap hari sementara 40 ekor lembu disembelih setiap hari untuk menampung keperluan pekerja dan tetamu diraja untuk majlis perkahwinan diraja yang berlanjutan selama tiga bulan. Majlis perkahwinan anak-anak Sultan Abdul Hamid ini juga dilaporkan menelan belanja antara \$3,000.000 hingga \$4,000.000 yang menyebabkan kerajaan hampir bangkrup,

gaji kakitangan kerajaan tidak dibayar untuk beberapa bulan dan akhirnya kerajaan Kedah terpaksa meminjam wang daripada kerajaan Siam.²⁷

Status seorang sultan bergantung kepada bilangan pengikut dan orang suruhan yang dimilikinya. Di Kedah, pada akhir abad ke-19, orang suruhan raja dikatakan mencapai 600 orang. Namun mereka tidak berkhidmat di istana setiap masa. Sistem pergiliran diadakan untuk menentukan tarikh mereka perlu datang berkhidmat di istana yang biasanya memakan masa 15 hari untuk setiap perkhidmatan. Perkhidmatan pula dijalankan secara berkumpulan. Biasanya dalam satu kumpulan terdapat 10 orang petugas. Mereka tidak dibayar gaji tetapi dikecualikan daripada membayar sewa tanah.²⁸ Petugas tetap di istana akan memasuki kampung-kampung di negeri itu untuk mendapatkan gadis-gadis untuk dibawa berkhidmat di istana yang adakalanya terus tinggal di situ sepanjang hayat mereka. Bagi gadis-gadis ini, dan keluarga mereka, tidak ada apa-apa yang memudarangkan untuk berkhidmat kepada raja sekalipun menerusi urusan rumah tangga kerana orang Melayu percaya bahawa sungguhpun kuasa bertumpu sepenuhnya kepada raja tetapi kuasa itu juga dapat “mengalir” kepada orang lain sekiranya mereka berbakti dan taat kepada raja.²⁹ Darjah kewanitaan seseorang yang “berperkerjaan raja” adalah lebih terserlah kerana sekurang-kurangnya mereka akan dikenali sebagai “orang istana” atau “orang raja” yang secara tidak langsung menjadikan kedudukan mereka lebih baik di mata masyarakat sekampung. Mobiliti yang merupakan satu keberuntungan ini ternyata mempunyai kesan tersendiri terutamanya jika ditinjau dari aspek pembiayaan makanan, pakaian, tempat tinggal dan

²⁷ Syed Mohammed bin Syed Hassan Shahabuddin & M. G. Knowles 1979. “The Three Million Dollar Wedding,” *Malaysia in History*, (special issue), 22, hlm. 150-152.

²⁸ J. M. Gullick 1987. *Malay Society in the Late Nineteenth Century*, Singapore: Oxford University Press, hlm. 48

²⁹ Sharifah Zaleha 1998. “Identiti dan Citra Wanita Berasaskan Sejarah Melayu,” *Dewan Sastera*, Ogos, hlm. 37.

dari sudut hukuman terhadap kesalahan-kesalahan tertentu. Hukuman yang dikenakan ke atas orang suruhan atau hamba raja adalah lebih ringan berbanding hamba orang biasa bagi kesalahan yang sama. Pemisahan berdasarkan taraf dan status ini turut dipiagamkan secara tradisi, misalnya, dalam adat istiadat meminang:

Fasal pada menyatakan orang besar-besaran membawa sireh pinang. Anak manteri sama manteri khas ia-itu manteri besar, jika sireh, sembilan bekas: jika di-bawa belanja sireh, dua-puloh empat emas bungkal emas itu, chincin berat tiga empat emas sa-bentok, kain chindai atau madukara dua helai, sireh pinang tiga bekas. Jika meminang anak manteri 'aam, sireh-nya tujoh bekas, kain chindai sa-helai atau kain madukara, chincin sa-bentok berat empat-empat: jika dibawa harga sireh, dua-belas emas, lain dari-pada chincin dan kain itu di-bawa. Ketika anak hulubalang membawa sireh pinang itu, lima bekas atau enam bekas, kain sa-kerat, empat emas atau lima emas, atau chincin sa-bentok berat tiga emas atau sa-puloh kupang; jika di-bawa harga sireh itu, harga-nya delapan emas atau tujoh emas: lain dari-pada kain dan chincin; dan kain tiada boleh tinggal. Jika anak rakyat meminang, bawa sireh empat bekas atau lima bekas, dan chincin sa-bentok berat enam atau tujoh kupang, kain sa-kerat harga-nya dua atau tiga emas: jika di-bawa harga sireh, lima emas atau enam emas; kain dan chincin di-bawa juga tiada boleh tinggal.³⁰

Meskipun mempunyai kelebihan dari segi status, golongan wanita diraja juga terpaksa tunduk kepada keadaan hidup bermadu. Sultan dan kerabat diraja lelaki biasanya mempunyai lebih daripada seorang isteri dan mempunyai ramai gundik.³¹ Kesulitan tetap timbul kerana bilangan anak yang ramai menyebabkan berlaku perebutan untuk menaiki takhta. Sultan Abdullah Mukarram Shah (1778-1798) mempunyai dua orang isteri, Wan Meh dan Wan Mas dan empat orang gundik kesayangan iaitu Che Bonda, Che Mas, Chendra Sari dan Bida Sari. Perkahwinan ini

³⁰ R. O. Winstedt 1928. "Kedah Laws," *JMBRAS*, 6 (2), Bab 4 Bunga Mas, Alat Kerajaan Pada Masa Tabal, Orang Besar-Besar, Adat Meminang, fasal 15, hlm. 41.

³¹ Tunku Abdul Rahman 1978. *Viewpoints*, Kuala Lumpur: Heinemann Education Books, hlm. 18.

Menurut Tunku Abdul Rahman, Tunku Kudin mempunyai ramai gundik sewaktu isterinya, Tunku Arfah, puteri Sultan Abdul Samad (Selangor) tinggal di Kelang.

telah melahirkan 20 orang anak.³² Pertelingkahan berlaku kerana Sultan Abdullah sendiri tidak menetapkan siapakah yang bakal memerintah Kedah selepas baginda mangkat sedangkan baginda mempunyai ramai putera dan pesaing yang bersedia mengambil alih kuasa. Ini memberi peluang kepada Raja Muda Tunku Dhiauddin (adinda Sultan Abdullah) menaiki takhta pada 1798 dan memerintah sehingga 1803 hasil sokongan pembesar dan pengaruhnya sebagai pemerintah Kayang. Walau bagaimanapun, pemerintahan Tunku Dhiauddin dicabar oleh Tunku Pangeran, anakanda Sultan Abdullah dengan permaisuri keduanya, Wan Mas, yang mendapat bantuan daripada Siam.³³ Dengan bantuan Siam, Tunku Pangeran menaiki takhta pada 1804 dan memerintah sehingga 1843 dengan gelaran Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II.

Selain masalah perebutan takhta, bilangan anak isteri yang ramai juga memerlukan peruntukan besar untuk menampung perbelanjaan sara hidup. Kebanyakan perbelanjaan ini ditanggung oleh perbendaharaan negeri kerana sebelum termeterai perjanjian pinjaman kewangan dengan Siam pada 1905, sultan berkuasa sepenuhnya ke atas pendapatan dan perbelanjaan kerajaan. Bagi mengelakkan ketegangan dalam rumahtangga yang kelak boleh menjaskannya penghormatan rakyat, seseorang sultan menyediakan rumah yang berasingan bagi setiap isterinya. Setiap isteri mempunyai pembantu rumah yang berasingan yang biasanya terdiri daripada hamba dan orang berhutang yang dibawa tinggal di istana atau yang datang berkhidmat mengikut giliran. Kerja-kerja rumahtangga seperti membasuh, memasak, mencuci pakaian dan membersih rumah dilakukan sepenuhnya oleh golongan tersebut. Jarang-

³² John Anderson 1965. *Political and Commercial Consideration Relative to the Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca*, (with an introduction by J. S. Bastin), MBRAS, hlm. 154-155.

³³ Untuk tinjauan lanjut tentang pertelingkahan merebut takhta ini, lihat, R. Bonney 1971. *Kedah 1771-1821, The Search for Security and Independence*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 103-127.

jarang berlaku wanita keturunan diraja memasuki ruang dapur istana memasak sendiri makanan mereka kecuali dalam kes Raja Arfah, puteri Sultan Abdul Samad (Selangor) yang menjadi isteri Tunku Kudin. Tunku Arfah yang lebih dikenali sebagai Tunku Chee tidak serasi dengan kehidupan sosial di Alor Star. Beliau tidak suka bercampur gaul, menentang perubatan Barat dan menderita sakit untuk sekian lama. Tunku Arfah dikatakan memasak sendiri makanannya.³⁴

Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1854-1879) mempunyai dua orang isteri iaitu Wan Hajar dan Wan Jah. Isteri-isteri baginda diletakkan di bahagian yang berlainan di istana dengan Wan Jah ditempatkan di sebelah selatan sementara Wan Hajar ditempatkan di sebelah utara.³⁵ Sultan Abdul Hamid Halim Shah merupakan satu lagi contoh sultan yang berkahwin ramai dan mempunyai anak yang ramai sehingga memeningkan pengurusan perbelanjaan apabila British mengambil alih pentadbiran kewangan negeri Kedah mulai 1909. Sultan Abdul Hamid mempunyai lapan orang isteri yang dikahwini secara berperingkat-peringkat. Perkahwinan ini menghasilkan 45 orang anak, 92 orang cucu dan cicit.³⁶ Setiap isteri tinggal di rumah berasingan yang disediakan oleh baginda. Sultan Abdul Hamid bersemayam di istana di Kampung Baharu, Alor Setar, lebih kurang 300 ela daripada rumah isteri keenamnya, Che Manjalara. Che Manjalara tinggal di istana tiga tingkat di tengah-tengah bandar Alor Star. Istana ini lebih dikenali sebagai Istana Kota Lama atau Istana Tiga Tangga.³⁷

³⁴ J. M. Gullick 1987. "Tunku Kudin of Kedah." *JMBRAS*, 60 (2), hlm. 85-86.

³⁵ Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad 1968. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 207-208.

³⁶ Harry Miller 1982. *Prince and Premier*, Singapore: Eastern Universities Press, hlm. 1

³⁷ Istana ini telah dirobohkan pada 1914 kerana tapak istana tersebut telah diperuntukkan oleh kerajaan untuk membina bangunan Majlis Mesyuarat Negeri.

Oleh kerana Sultan Abdul Hamid mempunyai ramai isteri, sistem pergiliran dilaksanakan. Baginda, misalnya, mengunjungi Che Manjalara setiap kali selepas sembahyang Jumaat. Satu kesan mempunyai isteri dan anak yang ramai ialah baginda tidak begitu rapat dengan anak-anaknya. Urusan membesarakan anak-anak yang dipikul sepenuhnya oleh pihak isteri menyebabkan anak-anak lebih rapat dengan ibu mereka. Anak-anak Sultan Abdul Hamid juga tidak berpeluang bercampur gaul dengan adik beradik daripada ibu yang lain. Kehidupan mereka berkisar kepada istana dengan rakan-rakan sepermainan yang terdiri daripada adik beradik sendiri dan juga anak-anak petugas dan orang suruhan di istana.³⁸

Meskipun seseorang permaisuri ataupun gundik sultan kelihatan seolah-olah tidak memainkan apa-apa peranan dalam urusan kerajaan dan tidak mempunyai pengaruh politik namun seseorang isteri yang mempunyai perwatakan yang kuat ataupun mempunyai hubungan kekeluargaan atau pengaruh dengan pembesar mampu memainkan peranan tertentu dalam mempengaruhi keputusan suami atau berkempen untuk menonjolkan kepentingan anak masing-masing dalam soal penggantian takhta. Kesultanan Melaka mempunyai banyak contoh peranan wanita termasuk kebijaksanaan politik bonda sultan dalam mempengaruhi keputusan sultan dalam soal pewarisan takhta dan perlantikan pembesar. Malah di beberapa tempat di alam Melayu, kaum wanita sudah muncul sebagai pemangku raja, sebagai raja seperti di Aceh, Patani dan Kelantan pada abad ke-17 dan terlibat dalam konflik menggulingkan pemerintah.³⁹ Di

³⁸ Harry Miller, *Prince and Premier*, hlm. 19-20.

³⁹ Kajian awal tentang kemunculan wanita sebagai raja dan sultanah dipelopori oleh Anthony Reid. Lihat. Anthony Reid 1988. "Female Roles in Pre-Colonial Southeast Asia," *Modern Asian Studies*, 22(3), hlm. 629-645. Lihat juga perbincangan Cheah Boon Kheng 1993. "Power Behind the Throne: The Role of Queens and Court Ladies in Malay History," *JMBRAS*, 66 (1), hlm. 1-21. Untuk maklumat lanjut tentang pemerintah perempuan di Patani, lihat, A. Teeuw & D. K. Wyatt 1970. *Hikayat Patani: The Story of Patani*, The Hague: Martinus Nijhoff. Empat orang sultanah yang memerintah Patani antara 1584 hingga

Kedah, meskipun tidak muncul perkara seperti ini namun pengaruh wanita seperti Wan Fatimah dalam menaikkan status anaknya sebagai Raja Perlis tidak harus diperkecilkan. Keadaan akan menjadi lebih baik sekiranya seseorang wanita itu berjaya menjadi isteri kesayangan sultan kerana ini meningkatkan lagi peluang wanita berkenaan serta kaum keluarga untuk mengukuhkan kedudukan samada dari segi mengumpul kekayaan maupun kuasa. Selain mendapat hadiah lumayan seperti emas dan tanah dan *ampun kurnia* daripada sultan, isteri yang menjadi kesayangan sultan seringkali dapat mempengaruhi keputusan yang telah dibuat oleh suami mereka.

Bagi rakyat malah pembesar juga, meminta pertolongan daripada isteri kesayangan sultan merupakan jalan terakhir untuk mengelakkan sesuatu hukuman. Hukuman bunuh ke atas seorang pemegang cap mohor Sultan yang didapati bersalah menyalahgunakan cap mohor itu untuk menipu rakyat dalam penjualan tanah ditarik balik dengan campurtangan Cik Manjalara, isteri kesayangan Sultan Abdul Hamid. Hukuman berat itu bukan sahaja dikenakan kepada pemegang cap mohor berkenaan malah baginda juga telah mengarahkan ibu jari tangan anak dan isteri lelaki berkenaan dipotong atas kesalahan tersebut. Untuk menyelamatkan nyawa keluarga, isteri pemegang mohor itu telah pergi menghadap Cik Manjalara yang diketahuinya menjadi isteri kesayangan Sultan Abdul Hamid untuk memohon pertolongan. Oleh kerana simpati dengan nasib anak isteri yang tidak berdosa itu, Cik Manjalara kemudiannya telah menemui baginda dan membuat helah bahawa beliau sedang mengandung. Mengikut kepercayaan orang Melayu, pantang larang sewaktu mengandung perlu

1688 ialah Raja Ijau, Raja Biru, Raja Ungu dan Raja Kuning. Tentang pemerintahan sultanah di Aceh antara 1641-1699, lihat, Anthony Reid 1975. "Trade and the Problem of Royal Power in Aceh," dalam Anthony Reid dan Lance Castes (peny.), *Pre-Colonial State System in Southeast Asia*, MBRAS, no. 6, hlm. 45-55.

dipatuhi. Cik Manjalara menyatakan kebimbangan akan melahirkan anak yang cacat sekiranya hukuman itu dijalankan. Helah ini berjaya dan hukuman ke atas pemegang cap mohor itu dipinda kepada hukuman penjara sementara hukuman ke atas anak isteri beliau dibatalkan. Che Manjalara sebenarnya tidak mengandung tetapi nasib masih menyebelahi beliau kerana tidak lama selepas kejadian itu Che Manjalara mengandungkan anaknya yang ketujuh iaitu Tunku Abdul Rahman, bekas Perdana Menteri Malaysia. Kejadian ini berlaku pada 1902.⁴⁰

Dalam satu kes lain, Ku Din Ku Meh (nama sebenar Ku Baharuddin bin Ku Meh) cuba merapatkan semula hubungannya yang renggang dengan kerajaan Kedah dengan mempengaruhi Che Manjalara untuk melembutkan hati Sultan. Perselisihan faham antara Ku Din dengan kerajaan Kedah bermula sejak beliau dilantik oleh sultan Abdul Hamid menjadi Penolong Pentadbir di Setul pada 1897 apabila sistem Thesaphiban dijalankan. Walau bagaimanapun, lama kelamaan Ku Din Ku Meh kelihatan lebih berminat untuk muncul sebagai pemerintah di Setul dengan mengenepikan kewibawaan sultan dan kerajaan Kedah. Segala laporan tentang Setul diserahkan sendiri oleh beliau ke Siam tanpa merujuk kepada kerajaan Kedah. Dalam masa yang sama, Ku Din Ku Meh sentiasa melobi untuk mengukuhkan kedudukannya kepada kerajaan Siam. Pada 1902, beliau berjaya menjadi Pesuruhjaya Setul dan menukar namanya kepada Tunku Baharuddin bin Ku Meh. Tindakan menambahkan gelaran Ku menjadi ‘Tunku’ ini dilihat sebagai satu percubaan untuk menaikkan martabat kebangsawanannya ke taraf diraja. Tindakan tersebut telah merengangkan hubungan beliau dengan sultan dan kerajaan Kedah. Tindakannya menggunakan Che

⁴⁰ Harry Miller, *Prince and Premier*, hlm. 2.

Manjalara, isteri kesayangan Sultan Abdul Hamid berjaya namun kedudukan Ku Din tidaklah begitu teguh kerana kerabat diraja Setul terus mencabarnya.⁴¹

Pengaruh dan peranan wanita kerabat mampu pergi lebih jauh lagi kerana mereka sentiasa berpeluang menggunakan kelebihan daripada kedudukan sebagai isteri pertama untuk memanipulasi suasana atau kemelut politik untuk kepentingan diri dan keturunan mereka. Pengaruh mereka menjadi lebih kuat dengan sokongan kerabat lelaki dan pembesar yang lain yang sebenarnya juga mengambil peluang daripada kemelut politik penggantian sultan untuk menaikkan calon-calon yang mereka sokong. Dalam hal ini, isteri kedua juga berpeluang menggunakan pengaruh mereka terutamanya jika mendapat sokongan pembesar negeri. Persaingan antara isteri rasmi dan isteri kedua juga boleh mencetuskan konflik sebagaimana yang dapat dilihat dalam kes merebut takhta tahun 1879 hingga 1881. Peranan dua orang isteri Sultan Ahmad Tajuddin III (1854-1879) iaitu Wan Hajar (isteri pertama) dan Wan Jah (isteri kedua) untuk menaikkan putera masing-masing di atas takhta selepas kematian sultan tidak harus diperkecilkan. Persaingan ini akhirnya dimenangi oleh Wan Jah dan penyokong-penyokong kuatnya, Tunku Kudin dan Tunku Yusuf apabila Tunku Putera (anak Wan Jah) dilantik oleh Siam sebagai Sultan Kedah bergelar Sultan Zainal Rashid II (1880-1881). Kejayaan ini banyak dipengaruhi oleh hakikat bahawa Wan Jah pernah dibesarkan di istana Menteri Siam di samping faktor lain seperti umur Tunku Putera lebih tua (16 tahun) daripada Tunku Abdul Hamid (12 tahun).⁴²

⁴¹ Mohd. Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah*, hlm. 66.

⁴² J. M. Gullick 1983. "Kedah 1821-55, Years of Exile and Return," *JMBRAS*, 56 (2), hlm. 69.

Wan Hajar atau lebih dikenali sebagai Mak Wan Besar bukan sahaja berperanan di belakang tabir semasa pemerintahan suaminya malah turut mengambil berat tentang untung nasib negeri Kedah sewaktu negeri itu dilanda krisis kewangan semasa di bawah pemerintahan anaknya, Sultan Abdul Hamid. Wan Hajar berusaha mencari jalan agar pentadbiran negeri disusun semula terutamanya bagi membendung perlakuan boros sultan. Antara langkah yang diambil oleh Wan Hajar ialah menulis surat kepada Putera Damrong, Menteri Dalam Negeri Siam memperihalkan keimbangan beliau terhadap perkembangan politik dan ekonomi dalam negeri Kedah berikutan keadaan sultan yang tidak stabil dari segi mental yang membuatkan baginda senang dipengaruhi oleh orang-orang yang ingin mengaut keuntungan daripada ketidakupayaan kesihatan baginda.⁴³

Dengan keistimewaan yang dimiliki berdasarkan kedudukan mereka sebagai golongan diraja, wanita kerabat juga mempunyai lebih banyak peluang untuk bergiat dalam urusan perniagaan dan pengumpulan harta. Ia bergantung kepada kebijaksanaan individu itu sendiri. Che Manjalara sekali lagi menjadi contoh penting untuk menerangkan perkara ini. Beliau merupakan seorang wanita yang pintar yang menggunakan sepenuhnya kedudukan sebagai isteri sultan untuk mengumpulkan harta kekayaan. Che Manjalara memiliki sebuah rumah di Bangkok yang ditinggalkan oleh bapanya, memiliki tanah dan rumah di Alor Setar hasil pemberian Sultan, memiliki rumah-rumah sewa, dan berniaga apa sahaja yang difikirkan dapat memberi pulangan yang menguntungkan. Beliau juga seorang yang berpandangan jauh yang dapat melihat betapa hubungan yang baru dibentuk antara Kedah dan Britain bakal membawa pembangunan kepada negeri itu. Sesungguhnya sebelum kedatangan British, Alor Setar

⁴³ Lihat, *SMSAH, T. H. 1323-1325 T.M. 1905-1907 No. 10*, Surat Wan Hajar kepada Putera Damrong, Menteri Dalam Negeri bertarikh 4 Februari 1905.

hanyalah merupakan sebuah perkampungan besar yang dikelilingi oleh hutan dengan dua batang jalan yang diperbuat daripada batu bagi menghubungi kawasan selatan dan utara. Jalan ke utara ini lebih kurang 30 batu jaraknya dengan sempadan Siam di Singgora. Che Manjalara kemudiannya telah membina jalan di beberapa kawasan (tanah) milik beliau di Alor Setar yang kemudiannya dinamakan Jalan Baharu. Jalan ini masih merupakan kawasan yang paling sibuk di Alor Setar sehingga kini. Bangunan perniagaan juga didirikan di kawasan tersebut. Pada suatu ketika Che Manjalara juga memiliki sebuah pasar di bandar Alor Setar. Jalan Baharu, bangunan kedai dan pasar merupakan tanda kebijaksanaan Manjalara dalam perniagaan dan pengumpulan harta.⁴⁴ Petak-petak dalam pasar disewakan dan Che Manjalara datang sendiri dengan memandu kereta untuk mengutip sewa setiap bulan.⁴⁵

Wanita golongan bangsawan pula terdiri daripada anak isteri menteri, pembesar dan orang-orang yang mendapat keistimewaan daripada Sultan. Meskipun tinggal di luar kawasan istana, cara kehidupan sosial mereka tidak jauh berbeza dengan wanita kerabat. Wanita golongan bangsawan hidup dalam kemewahan dan mendapat penghormatan daripada rakyat sebagaimana yang dinikmati oleh wanita kerabat kerana suami mereka mempunyai kawasan atau daerah tertentu untuk ditadbir selain menjadi menteri kepada sultan. Sebagai pentadbir kampung dan daerah, pembesar menerima dan menghakimi aduan yang dibuat oleh penduduk seperti aduan hak tanah dan tanaman diambil orang lain, perahu disewa tetapi tidak dipulangkan dan hamba wanita dilarikan

⁴⁴ Harry Miller, *Prince and Premier*, hlm. 13-14.

⁴⁵ Kua Kia Soong 2002, *K. Das & The Tunku Tapes*, Kuala Lumpur: Strategic Info Research Development (SIRD) hlm. 42. Pasar ini, walau bagaimanapun, terpaksa ditutup kerana, menurut Tunku Abdul Rahman, kerajaan tidak begitu menyenangi kemajuan yang telah dicapai oleh pasar berkenaan.

orang.⁴⁶ Selayaknya dengan kedudukan mereka, segala urusan rumahtangga seperti memasak, membasuh dan mengasuh diserahkan kepada orang suruhan samada dari kalangan hamba atau anak orang berhutang. Apabila upacara perkahwinan diadakan di rumah pembesar, gadis-gadis muda akan dibawa masuk ke rumah pembesar sebagai dayang dan inang atau pengasuh.⁴⁷

Wanita Melayu kelas bangsawan tidak mempunyai sebarang pengaruh politik tetapi kewujudan mereka adalah satu faktor politik – sebagai perantaraan dalam ikatan persaudaraan dan mempunyai peranan menjalin hubungan baik dengan wanita di istana. Tugas mengiringi isteri sultan merupakan satu kelebihan untuk memulakan langkah menonjolkan nama suami. Malah mereka juga mendorong usaha suami agar dinaikkan pangkat dan gelaran kerana kejayaan ini bermaksud pangkat dan gelaran kepada isteri pertamanya.⁴⁸ Meskipun tidak terlibat secara langsung dalam kegiatan politik suami, wanita Melayu dari golongan bangsawan juga seringkali mendapat kepercayaan suami untuk menguruskan hal-hal yang melibatkan wanita kerabat. Dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* disebut Menteri Empat telah menghantar anak isterinya ke istana untuk memujuk Raja Perempuan agar menasihati suaminya, Raja Besiung supaya menghentikan segala perbuatan zalim ke atas rakyat jelata.⁴⁹ Tindakan memperalatkan anak isteri dalam hal ini adalah berdasarkan hakikat bahawa dalam hal pujuk memujuk ini, kaum wanita lebih arif apatah lagi ia melibatkan kaum sejenis.

⁴⁶ Siti Hawa Haji Salleh, *Hikayat Merong Mahawangsa*, hlm. 84.

⁴⁷ J. M. Gullick, *Sistem Politik Bumiputera*, hlm. hlm. 137-138.

⁴⁸ Frank Swettenham 1948. *British Malaya: An Account of the Origin and Progress of the British Influence in Malaya*, London: John Lane the Bodley Head, hlm. 155.

⁴⁹ Siti Hawa Salleh, *Hikayat Merong Mahawangsa*, hlm. 45.

Wanita Rakyat Biasa

Kehidupan di perdesaan lebih berkisar kepada keperluan mencari sara hidup untuk sekeluarga. Tanah menjadi asas utama kegiatan ekonomi dengan tumpuan kepada penanaman padi. Secara umumnya, daerah-daerah di Kedah kaya dengan kawasan yang sesuai untuk penanaman padi seperti di Yan dan Kulim. Kepentingan aspek tanah dan padi ini boleh dikesan daripada fasal-fasal yang terkandung dalam *Tembera Dato' Sri Paduka Tuan* (1667). Kewujudan *Tembera Dato' Sri Paduka Tuan* membuktikan sejak zaman pra penjajahan lagi sudah wujud, sekurang-kurangnya dari segi ideologi dan konsep, anggapan semasa yang mentakrifkan dan mewajarkan tindakan tertentu berhubung soal pengurusan tanah dan peraturan penanaman padi.⁵⁰ Ketua kampung bertanggungjawab sepenuhnya dalam urusan pembelian dan penjualan tanah oleh penduduk kampung. Beliau juga bertanggungjawab memantau aktiviti penanaman padi agar penduduk dapat menikmati hasil penat lelah mereka pada setiap musim. Peraturan ketat dikenakan ke atas petani dan pemilik kerbau dengan tujuan mewujudkan satu bentuk kerjasama antara kedua-dua pihak untuk memastikan tanaman padi berjaya. Kerbau harus ditambat jauh dari sawah selepas proses membajak selesai. Pemilik sawah pula perlu memagari sawah mereka agar tidak diceroboh oleh kerbau dan binatang lain. Denda akan dikenakan oleh ketua kampung sekiranya kedua-dua pihak tidak mematuhi peraturan ini.⁵¹

⁵⁰ Selain *Tembera Dato' Sri Paduka Tuan*, terdapat empat lagi kanun tradisional Kedah iaitu *Undang-Undang Pelabuhan* (1650), *Hukum Kanun Dato' Star* (tidak bertarikh), *satu bab tentang bunga emas, alat kerajaan pada masa tabal, orang Besar-Besar dan adat meminang*, dan *Undang-Undang* bertarikh 1784 Lihat, R. O. Winstedt, "Kedah Laws," hlm. 1-44. Kesemua undang-undang ini sangat berkait rapat dengan adat Temenggung serta mempunyai perbezaan dan persamaan dengan beberapa undang-undang yang terdapat di negeri lain. Untuk meninjau persamaan Undang-Undang Kedah dengan undang-undang adat temenggung yang lain, lihat, M. B. Hooker 1968. "A Note on the Malayan Legal Digest," *JMBRAS*, 41, hlm. 157.

⁵¹ R. O. Winstedt, "Kedah Laws," *Tembera Dato' Sri Paduka Tuan*, fasal 4 hingga 8.

Kaum wanita tidak berkecuali melibatkan diri dalam penanaman padi untuk membantu keluarga. Tambahan pula orang Melayu mempunyai bilangan ahli keluarga yang ramai termasuk ibu bapa yang tinggal bersama. Justeru itu untuk menampung keperluan keluarga yang ramai, kaum wanita terpaksa keluar mencari rezeki. Kegiatan lain seperti berkebun sayur, menternak ayam, itik, lembu dan kerbau yang digunakan untuk membajak tanah dan juga disembelih terutama menjelang hari perayaan, berdusun buah-buahan dan mengutip sumber-sumber hutan hanyalah merupakan kerja sampingan sewaktu menunggu padi masak. Orang Melayu memulakan penanaman padi dengan penuh adat istiadat. Pawang berperanan penting dalam menentukan tarikh penanaman dimulakan dan bila padi harus dituai. Kegiatan menanam padi melibatkan semua ahli yang terdapat dalam satu unit rumah tangga termasuk kanak-kanak dengan pembahagian kerja tertentu. Kaum lelaki, misalnya, melakukan tugas yang lebih berat seperti membajak tanah sementara kerja menabur benih diserahkan kepada kaum wanita. Tugas-tugas lain seperti menuai, menjaga kawasan air dan menghalau binatang daripada menganggu tanaman dilakukan secara bergotong royong. Malah petani-petani yang padinya sedang membesar disyaratkan membantu petani-petani lain membuat pagar untuk mengelakkan pencerobohan kerbau. Sekiranya peraturan ini tidak dipatuhi sejumlah denda akan dikenakan oleh ketua kampung.⁵²

Apabila wujud semangat bergotong royong di kalangan petani, produktiviti berjaya ditingkatkan dan Kedah berupaya mengeksport padinya ke negeri-negeri lain. Kejayaan ini juga adalah hasil usaha kaum wanita yang bertungkus lumus mengerjakan sawah. Pada 1785, Kedah mengeksport 2000 koyan atau 80,000 pikul beras ke negeri-negeri berdekatan dan pada 1820, ia mengeksport 1000 koyan padi, 60,000 ayam dan

⁵² R. O. Winstedt, "Kedah Laws," Tembera Dato' Sri Paduka Tuan, fasal 7.

20,000 itik serta lembu ke Pulau Pinang. Jumlah eskport ini, walau bagaimanapun, jatuh dengan teruk di tahun-tahun selepas serangan dan penaklukan Siam ke atas Kedah pada 1821. Selepas tragedi tersebut, eksport padi ke Pulau Pinang jarang-jarang melebihi 1/10 daripada 2000 koyan.⁵³

Sumbangan wanita dalam penanaman padi dan kegiatan ekonomi lain telah diiktiraf oleh perundangan tradisional. Undang-undang yang dimaksudkan ialah *Undang-Undang Kedah* versi Ku Din Ku Meh pada 1893 yang merupakan satu-satunya undang-undang tradisional yang mengiktiraf peranan wanita dalam pertumbuhan ekonomi negeri Kedah, suatu pengiktirafan yang tidak pernah kelihatan dalam mana-mana undang-undang adat Temenggung yang terdapat di negara ini termasuk *Undang-Undang Melaka*.⁵⁴ *Undang-Undang Kedah* versi Ku Din Ku Meh ini dipercayai telah digunakan sejak abad ke-17 semasa pemerintahan Sultan Rijaluddin Muhammad Syah (1625-1652).⁵⁵ Ia mengandungi 40 fasal kesemuanya⁵⁶ dan diikuti oleh *Undang-Undang Laut Melaka*, *Undang-Undang Nobat* dan salinan lesen bijih timah yang dititahkan oleh Sultan Abdul Hamid Shah, dan juga

⁵³ Lihat, John Anderson, *Political and Commercial Consideration*, hlm. 131; James Low 1850. "An Account of the Origin and Progress of the British Colonies in the Straits of Malacca" *JIAEA*, 4, hlm. 25.

⁵⁴ Khoo Kay Jin 1999. "Undang-Undang Kedah dengan Tumpuan Khusus kepada Pengawalan Hak Milik Tanah," dalam *Masyarakat Malaysia Abad ke-19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, hlm. 58.

Undang-Undang Kedah versi Ku Din Ku Meh berbeza daripada versi Undang-Undang Kedah Winstedt dan dipercayai berasal daripada versi E. A. G. Stuart yang pernah berkhidmat sebagai Pengguna Pelajaran Kedah dari 1910 hingga 1920-an. Pandangan ini diasaskan kepada terjemahan beberapa pilihan daripada salinan Stuart yang tersiar dalam majalah *The Kedah Miscellany* yang diterbitkan oleh Province Wellesley Mission Press. Malang sekali naskhah jawi versi Ku Din Ku Meh tidak mencatat apa-apa maklumat dari mana teks ini diperolehi atau disalin. Ku Din Ku Meh atau nama sebenar Tunku Baharuddin bin Ku Meh ialah Pengguna Penjara di Alor Star yang kemudiannya dihantar oleh Sultan Abdul Hamid berkhidmat ke Setul pada 1897 sebagai Penolong Pentadbir bagi pihak Tunku Abdul Rahman apabila system pengintegrasian wilayah Siam atau Thesaphiban dijalankan.

⁵⁵ Perkara ini disebut dalam bahagian pengenalan undang-undang tersebut.

⁵⁶ Antaranya, dimulakan dengan syarat orang menjadi raja, syarat orang menjadi menteri, fasal hukum angkara derhaka, hukum pencuri, penyamun dan perlilat (menipu) harta orang, hukum menjual dusta, fasal tanah isi negeri, bendang isi negeri, perselisihan orang berbendang, orang berhuma padang hutan, orang berdusun kampung, bergadai, sewa dan pajak, berjual kampung bendang dusun-dusun, perniagaan jual beli barang dagangan, hasil atas rakyat dan kerajaan, sewa perahu dan senjata, mengambil upah membela gajah, sambut surat dan bunga emas ke Siam dan surat kiriman puji-pujian.

senarai Sultan Kedah seramai 17 orang.⁵⁷ Meskipun ada bahagian dalam versi ini yang sama dengan *Undang-undang Kedah* versi Winstedt, namun terdapat perbezaan besar dalam bahagian-bahagian yang membincangkan perkara yang sama. Malah beberapa perkara seperti pemungutan hasil ripai yakni cukai kepala, peraturan hubungan antara tuan dan hamba berhutang, hasil nobat, perakuan tentang kerja wanita atau keistimewaan yang dinikmati golongan pedagang tidak dibincangkan dalam versi Winstedt mahupun *Undang-Undang Melaka* sendiri.⁵⁸ Undang-undang ini juga dipercayai masih digunakan sehingga penghujung abad ke-19. Ini dapat dilihat, misalnya, daripada beberapa bahagian dalam fasal 27 bersabit undang-undang hasil ripai, gendang dan nobat yang masih berkuatkuasa pada abad itu.⁵⁹

Perakuan tentang kerja wanita yang termaktub dalam *Undang-Undang Kedah* versi Ku Din Ku Meh dibuat berdasarkan pemerhatian penggubal bahawa pertumbuhan ekonomi negeri Kedah turut digerakkan oleh kaum wanita kerana golongan inilah yang lebih banyak bekerja berbanding kaum lelaki. Sumbangan ini juga menyebabkan pihak penggubal undang-undang begitu berhati-hati dalam menangani isu berhubung pembahagian harta terutamanya harta sepencharian (harta syarikat) antara suami isteri untuk mengelakkan penganiayaan kepada waris-waris yang ditinggalkan termasuk isteri dan anak-anak (lelaki dan perempuan). Ia bukan setakat pembahagian harta selepas berlaku kematian tetapi juga selepas bercerai. Kemasukan pengaruh Islam ke negeri itu menyebabkan soal-soal perceraian dan pembahagian harta pesaka ditadbir mengikut perundangan Islam sementara hukum adat setempat dan hukum raja masih digunakan

⁵⁷ Senarai pemerintah Kedah ini bermula dengan Sultan Mohammed Shah dan berakhir dengan Sultan Abdul Hamid.

⁵⁸ Khoo Kay Jin, “Undang-Undang Kedah,” hlm. 59.

⁵⁹ *Ibid.*, hlm. 60.

dalam menangani beberapa isu kemasyarakatan. Perakuan kerja wanita dan hak wanita ke atas harta syarikat atau harta sepencarian boleh dilihat dalam satu perenggan yang terdapat dalam *Undang-Undang Kedah* versi Ku Din Ku Meh seperti berikut:

Maka pada zaman Tuan Shaikh Abu Bakar menjadi kadhi dalam negeri Kedah dihukumkan tuan itu pada pusaka lelaki dikeluarkan suatu tampak dalam tiga bahagi dikata harta syarikat kemudian baharu dibenarkan tuan itu berbahagi di dalam harta yang lebih daripada keluar harta syarikat kerana ditilik tuan itu rakyat isi Kedah ini lebih kerja perempuan daripada laki-laki pada genap perkaryanya.⁶⁰

Tuan Shaikh Abu Bakar dilantik menjadi kadhi semasa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah 11 di sekitar 1840-an. Sebagai seorang yang alim, beliau mengingatkan para hakim agar berlaku adil dalam mengendalikan urusan pembahagian harta lebih-lebih lagi apabila melibatkan kaum wanita dan kanak-kanak. Justeru itu apabila seorang wanita membuat aduan kepada hakim mengenai masalah rumah tangganya, beliau mestilah mengemukakan alasan yang kukuh, misalnya, suaminya telah tidak memberikan nafkah makan dan pakai kerana terlalu leka berjudi dan sabung ayam. Berdasarkan aduan seperti ini, hakim yang biasanya terdiri daripada pembesar, kadhi atau alim ulama, akan melakukan penyiasatan. Jika dakwaan didapati benar, beberapa langkah seterusnya diambil. Pertama, hakim akan mengeluarkan arahan agar si suami memberi nafkah kepada isterinya dan menghentikan tabiat berjudi. Kedua, sekiranya nasihat itu tidak dipatuhi, hakim akan meminta lelaki itu bertaubat, bersumpah dan “menggantungkan talak” isterinya. Pergantungan talak merupakan satu amaran keras bahawa jika perbuatan bersabung ayam dan berjudi masih diteruskan maka gugurlah talak ke atas isterinya. Apabila ini berlaku, lelaki berkenaan tidak boleh

⁶⁰ Ku Din Ku Meh 1893. *Undang-Undang Kedah*, fasal 16 fasal nikah kahwin.

lagi pulang ke rumah dan menganggu kehidupan bekas isterinya. Sekiranya arahan ini tidak dipatuhi, hukuman 40 kali sebatan dan denda setahil sepha⁶¹ akan dikenakan.

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang dibolehkan oleh hukum syarak, lelaki berkenaan masih mempunyai peluang untuk rujuk kembali (berkahwin semula) dengan bekas isterinya dengan syarat beliau tidak mengulangi perbuatannya. Sekiranya ini berlaku, lelaki tadi terlepas daripada hukuman sebat dan denda tetapi jika mengulangi semula perbuatan tersebut selepas rujuk, beliau akan dihukum dibawa ke masjid untuk disebat sebanyak 20 kali serta denda dua tahil sepha. Hukuman ini dijalankan di khalayak ramai sebagai satu cara untuk memberi malu kepada si pelaku agar tidak mengulangi perbuatan tersebut. Jika tidak mampu membayar denda, lelaki berkenaan akan diserahkan kepada Temenggung dan terpaksa melakukan kerja yang disuruh oleh Temenggung.⁶² Pertimbangan yang teliti juga akan dibuat oleh hakim terhadap aduan isteri bahawa suaminya telah berkahwin lain dan tidak mempedulikan makan pakai sekeluarga tetapi mestilah dengan alasan yang kuat, misalnya, akibat berkahwin lain itu suaminya selalu memukul dan menganiaya beliau. Jadi di sini pertimbangan utama bukanlah kepada berkahwin lain atau tidak memberi nafkah kepada isteri tetapi lebih kepada kesan atau akibat yang lebih mendatangkan keburukan, misalnya, perbuatan berjudi, sabung ayam dan memukul isteri sangatlah dicela dalam Islam.

Dalam kehidupan masyarakat kampung, hubungan antara lelaki dan wanita sangat terbatas. Apabila mencapai umur 15 tahun, kanak-kanak perempuan tidak lagi dibenarkan bermain dengan kanak-kanak lelaki kerana dalam usia sebegini kanak-

⁶¹ Sepaha bermaksud seperempat atau sesuku.

⁶² Ku Din Ku Meh, *Undang-Undang Kedah*, fasal 16.

kanak perempuan sudah dikira memasuki umur untuk berkahwin. Sehinggalah dilamar oleh pihak lelaki, gadis-gadis akan tinggal di rumah untuk membantu ibunya. Bagi gadis dari keluarga miskin mereka turut membantu kerja di sawah sejak kecil lagi. Perkahwinan diatur oleh keluarga tanpa merujuk kepada pendapat anak gadis sendiri. Keluarga yang kaya melangsungkan majlis perkahwinan anak-anak mereka secara besar-besaran, memakan masa berhari-hari lamanya dan menelan belanja yang besar.⁶³ Majlis perkahwinan bagi golongan ini menjadi satu aturcara yang dapat menunjukkan kemegahan dan kekayaan mereka kepada orang ramai. Bagi keluarga miskin pula, perkahwinan dijalankan dengan ala kadar yang melibatkan gotong royong penduduk setempat.

Dalam hal nikah kahwin, peraturan telah ditetapkan di pihak kerajaan agar rakyat jelata tidak terlalu cerewet dalam soal membawa belanja mas kahwin. Ia mestilah mengikut kemampuan seseorang dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Soal mas kahwin ini bukanlah semata-mata masalah abad ke-17 apabila *Undang-Undang Kedah* versi Ku Din Ku Meh dipercayai digunakan malah berlanjutan hingga abad ke-20. Ini dapat dilihat daripada aduan masalah rumah tangga yang muncul pada abad tersebut yang dapat dikaitkan dengan masalah kesempitan hidup dan tidak kurang pula wanita yang menuntut baki mas kahwin yang belum diselesaikan oleh suami.⁶⁴ Dengan alasan

⁶³ F. Swettenham, *British Malaya*, hlm. 153.

⁶⁴ Lihat, misalnya, SUK Kedah 1296/1341 Ali Hussain bin Ramzan, Selama, 31 Januari 1923. *Regarding his case with his wife, Satariah bt. Mat Akil at Shariah Court, Bandar Bharu*. Lelaki ini mengadu kepada kerajaan bahawa beliau mengahwini isterinya dari Nibong Tebal dengan belanja \$9.70 dan mas kahwin \$100.00. Isterinya itu kemudian balik ke rumah ibunya untuk membantu menuai padi tetapi kemudiannya enggan pulang ke pangkuhan beliau. Sebaliknya, dengan dipengaruhi oleh seorang daripada keluarganya iaitu Kadhi Bandar Baharu, isterinya mengemukakan saman terhadapnya untuk nafkah dan baki mas kahwin yang belum dibayar. Setelah dibicarkan, Ali Hussain telah dijatuhkan hukuman oleh Kadhi Bandar Baharu agar membayar nafkah tersebut. Beliau membuat rayuan kepada kerajaan kerana tidak berpuashati dengan keputusan kadhi kerana masalah itu adalah berpunca daripada isterinya yang enggan tinggal bersama.

tidak mahu membebankan rakyat dengan soal belanja kahwin, peraturan telah ditetapkan sejak abad ke-17 lagi bahawa mas kahwin tidak boleh melebihi setahil sepaha. Namun di sebalik ketetapan tersebut, pihak penggubal tidak mahu rakyat menganggap perkahwinan sebagai suatu perkara yang mudah dan boleh dijalankan dengan sewenang-wenangnya. Malah soal membentuk sebuah institusi keluarga yang baik sebenarnya sudah dititikberatkan oleh kerajaan waktu itu, mungkin sebagai tindakbalas terhadap masalah sosial seperti sumbang mahram, mlarikan anak orang atau wanita lari mengikut lelaki lain di samping ianya sebagai sebahagian daripada tuntutan agama. Justeru itu proses pernikahan harus dijalankan mengikut adat dan syarak iaitu dimulakan dengan merisik, bawa belanja, bertunang, kahwin, ada wali, dan dua orang saksi yang sah mengikut syarak.

Sekiranya perempuan yang ingin dinikahi itu belum baligh tetapi ada wali yang cukup dari segi syarak (bapa atau datuk), pasangan itu harus dinikahkan. Jika tidak ada salah seorang daripada wali yang kuat, pernikahan terpaksa ditangguhkan sehingga kanak-kanak perempuan itu baligh. Dalam hal ini, bapa saudara atau anak-anak saudara bapanya boleh menjadi wali jika kedua-dua wali kuat tiada. Jika tiada waris-waris, terserahlah kepada pihak berkuasa untuk mencari atau menggantikan wali. Dalam kes wali yang tinggal jauh daripada kampung atau menetap di negeri lain dan tidak boleh sampai dalam masa sehari semalam maka walinya adalah wali hakim.⁶⁵ Selepas akad nikah sekeping sijil kecil atau “surat ingatan” diberikan kepada pengantin yang di dalamnya terkandung catatan katib dan imam tentang butir-butir pernikahan seperti tarikh pernikahan, jumlah duit belanja dan mas kahwin. Catatan ini dibuat bagi memudahkan hakim membuat pengadilan sekiranya berlaku perselisihan antara kedua

⁶⁵Ku Din Ku Meh, *Undang-Undang Kedah*, fasal 16.

suami isteri itu kelak. Sementara itu jika pernikahan itu melibatkan wanita janda atau balu, persetujuan wanita berkenaan menjadi syarat utama.

Pasangan suami isteri yang ingin bercerai pula perlu membawa perkara tersebut kepada pengetahuan hakim yang kemudiannya akan meneliti kes mereka dan membuat keputusan. Perceraian tidak akan berlaku sekiranya si suami tidak mahu menceraikan isteri sekalipun didesak oleh isteri kerana dalam Islam, talak adalah dalam tangan suami. Si isteri hanya boleh menuntut cerai dan wajar pula diberikan talak itu dengan lima syarat iaitu:

1. suami mati syahwat
2. suami meninggalkan hukum dan perintah Allah
3. suami mengidap penyakit teruk seperti sopak, kedad dan kudis buta
4. adawat (membenci dan memusuhi) kepada Raja dan Menteri
5. Keempat-empat syarat diatas membolehkan wanita menuntut cerai daripada suami tetapi juga disyaratkan mestilah terlebih dahulu berusaha mengubati penyakit-penyakit itu. Jika tiada sembah maka jatuhlah talak dan wanita, dalam hal ini, tidak boleh menuntut mas kahwin⁶⁶

Seseorang lelaki yang hanya mengetahui isterinya mengidap penyakit perempuan setelah mengahwini wanita itu boleh menceraikan isterinya tanpa membayar mas kahwin. Tetapi jika wanita itu dicerai tanpa sebab dan meskipun belum disetubuhinya, si suami perlu membayar mas kahwin kerana dia tidak boleh terlepas daripada "hutang akhirat."⁶⁷ Jika yang dikahwini itu anak dara kemudian diceraikan, lelaki berkenaan perlu membayar mas kahwin sebahagian (separuh) dan belanja hantaran mesti dipulangkan. Tetapi jika kesalahan itu bermula kerana perbuatan suami

⁶⁶ *Ibid.*

⁶⁷ *Ibid.* Sebagai perbandingan, di Burma, penyakit, usia tua dan kecacatan tidak boleh diterima sebagai syarat untuk wanita menuntut cerai. Sebaliknya seseorang wanita boleh menuntut cerai sekiranya suaminya seorang pemalas, tidak dapat menyara kehidupan sekeluarga dan berkhalwat. Lihat, V. Sangermano 1969. *A Description of the Burmese Empire Compiled Chiefly From Burmese Documents*, (Translated by William Tandy with preface and note by John Jardine), New York: Augustus M. Kelly, hlm. 259.

sendiri yang menyebabkan dia mati syahwat atau terkena penyakit yang telah disebutkan tadi, suami terpaksa membayar mas kahwin melainkan jika sekiranya si isteri bersetuju tidak perlu membayar apa-apa maka perkara itu dianggap selesai.

Seseorang isteri juga dibenarkan memohon fasakh kerana suami meninggalkannya terlalu lama (ke luar daerah atau negeri). Walau bagaimanapun, dalam hal ini, hakim perlu mengambil beberapa langkah sebelum membuat keputusan untuk meluluskan permohonan tersebut. Pertama, hakim perlu menghantar surat kepada suami wanita berkenaan dan menyuruhnya pulang atau menghantar nafkah kepada isterinya. Jika surat itu tidak mendapat balasan dan lelaki berkenaan tidak juga pulang, hakim harus mengambil langkah seterusnya iaitu menghantar orang pergi mencari lelaki itu di negeri atau daerah yang dimaksudkan dan menyuruhnya pulang ke pangkuan keluarga. Jika masih enggan pulang, si isteri dinasihatkan menunggu dan memberi sedikit masa untuk suami berbuat demikian tetapi jika si suami disahkan mati dengan sendirinya jatuhlah talak ke atas wanita berkenaan. Soal pembahagian harta sepencarian suami isteri selepas berlaku perceraian atau kematian sangat diberi keutamaan kerana takut “teraniaya perempuan itu hamba Allah yang tiada empunya dia upaya jadi durhaka juga pada Allah Taala.”⁶⁸ Kedudukan ini jauh lebih baik jika dibandingkan dengan kedudukan wanita asing yang digambarkan melalui kanun undang-undang mereka sendiri. Wanita Burma, misalnya, boleh dijual sebagai hamba oleh suami untuk mendapat gantirugi kerana mahu bercerai dengan suami mereka.⁶⁹

⁶⁸Ku Din Ku Meh, *Undang-Undang Kedah*, fasil 16.

⁶⁹V. Sangermano, *A Description of the Burmese Empire*, hlm. 228.

Dalam soal nikah kahwin ini juga peranan imam menjadi penting. Mereka perlu memastikan wanita yang dinikahkan itu bukan isteri atau tunangan orang dan juga bukan orang-orang yang haram dinikahi mengikut Islam.⁷⁰ Kecuaian menikahkan orang-orang dalam golongan tersebut mengundang hukuman yang berat terhadap imam, wali dan saksi. Misalnya, jika imam menikahkan isteri atau tunangan orang, denda sebanyak 10 tahil sepha akan dikenakan iaitu dikutip lima tahil daripada walinya, tiga tahil daripada imam, dan saksi seramai dua orang akan dikenakan setahil setiap seorang. Peraturan sebegini diadakan agar kejadian menikahkan isteri orang tidak berulang dan juga sebagai amaran agar imam menyiasat terlebih dahulu latar belakang orang yang bakal dinikahkan. Kejadian seumpama ini juga berlaku pada abad-abad yang terkemudian. Di Kedah, pada abad ke-20, muncul kes imam menikahkan wanita yang masih menjadi isteri orang. Namun peraturan di abad tersebut menjadi lebih jelas iaitu sekiranya pernikahan dijalankan setelah wanita itu membuat perakuan bahawa dia bukan isteri orang tetapi kemudiannya didapati sebaliknya maka imam tidak harus dipersalahkan. Ini dapat dilihat dalam satu surat bertarikh 14 Mei 1924 yang dikirim oleh Sheikh-ul-Islam, Wan Sulaiman bin Wan Sidek, kepada Pemangku Raja Tunku Ibrahim, selaku Presiden Majlis Mesyuarat Negeri, berhubung masalah tersebut:

Ahwal patek maalom-kan ada-lah satu hukuman shara' yang bersangkut perkara nikah yaitu apa-bila hathir satu prumpuan pinta nikah ia dengan satu laki-laki serta prumpuan ini mengaku tiada apa-apa mana dari pada nikah dan bukan ia jadi istri orang serta ia bersumpah di atas akuan itu maka di-harus pada shara' buleh nikah berpegang atas ikrar akuan prumpuan itu kamdian jika terang istri orang maka di-hukom tiada sah nikah yang kadua dengan tiada salah orang yang nikah sebab mengharus uleh shara' yang

⁷⁰ Mengikut undang-undang Islam, orang-orang yang haram dinikahi terdiri daripada ibu susu, adik beradik mertua, anak saudara lelaki dan perempuan, anak tiri, isteri orang, anak sendiri dan ipar (selagi masih beristerikan kakaknya atau adiknya).

demikian itu demikian telah jadi juga di-Sharaiah dan pada setengah Imam.⁷¹

Selepas berkahwin, pasangan pengantin biasanya tinggal dengan kedua ibubapa sebelah isteri. Rumah-rumah dibina berdekatan dengan rumah kedua ibu bapa sekiranya mereka tidak tinggal bersama. Rumah-rumah kecil milik orang Melayu biasanya mempunyai ramai penghuni. Suasana begini juga mencetuskan masalah kepada kehidupan orang Melayu kerana ia boleh membawa kepada bencana perlakuan yang tidak baik seperti sumbang mahram. Meskipun tiada dokumen semasa yang dapat menerangkan masalah ini namun dengan adanya peruntukan yang panjang lebar dalam *Undang-Undang Kedah* versi Ku Din Ku Meh dengan sendirinya mencadangkan gejala sumbang mahram merupakan masalah yang sering berlaku dalam masyarakat Melayu Kedah sebelum penjajahan sehingga undang-undang perlu digubal untuk menangani masalah tersebut. Hukuman sumbang mahram adalah sama berat dengan hukuman orang menderhaka kepada pemerintah. Sebagaimana hukum adat yang dikenakan ke atas orang yang merderhaka iaitu dihukum mati dalam keadaan seksa dan hina yang turut membawa padah kepada anak, isteri dan ibu bapa,⁷² demikianlah juga hukuman terhadap kesalahan sumbang mahram. Perlakuan sumbang mahram dianggap perbuatan yang keji dan hukumannya “bunuh dengan kematian yang keji dan daging darahnyapun tiada harus diberi kena atas bumi negeri itu, dibuangkan bangkainya itu ke tengah lautan dan ke tengah rimba belantara yang bukan tempat jajahan negeri. Jika ada gugur ke bumi daripada daging darahnya harus disuruh gali ambil buangkan ke laut.”⁷³

⁷¹ SUK Kedah 2322/1342 *Sheikh-ul-Islam, 14 Mei 1924. Re Marriage of Women, who after the marriage found to have husbands.*

⁷² Mayat orang yang menderhaka tidak dikebumikan sebaliknya akan disula dan dibiarkan menjadi tontonan orang ramai. Anak-isteri serta ibubapanya juga turut dipulau oleh masyarakat dan tidak dibenarkan berternak, berdusun atau memiliki harta. Kesemua harta akan dirampas.

⁷³ Ku Din Ku Meh, *Undang-Undang Kedah*, fasil 4.

Perbuatan sumbang mahram digolongkan dalam beberapa kategori iaitu antara anak dengan ibu atau bapa dengan anak perempuan. Hukuman yang dijatuhkan bergantung pula kepada beberapa keadaan, misalnya, jika perlakuan antara bapa dengan anak perempuan berlaku secara paksaan, si anak tadi tidak dijatuhkan hukuman mati kerana kejadian itu berlaku tanpa kerelaannya. Namun jika perlakuan sumbang itu berlaku lebih daripada sekali yang secara tidak langsung juga bermaksud ada kerelaan di pihak anak perempuan itu maka anak perempuan itu juga tidak terlepas daripada hukuman bunuh. Jika perbuatan suami ke atas anak perempuan diketahui oleh si ibu atau ibu tiri dan kedua-duanya membuat aduan kepada orang besar dalam jajahan itu, kedua-dua wanita tersebut terlepas daripada hukuman bunuh. Namun kedua-dua mereka dan termasuk anak yang terlepas daripada hukuman bunuh tadi tidak boleh mewarisi harta pusaka suami atau bapanya itu. Tetapi jika perlakuan sumbang itu didiamkan oleh si isteri sedangkan beliau mengetahui apa yang berlaku, wanita tersebut tidak dapat lari daripada hukuman bunuh.⁷⁴ Demikianlah seriusnya kesalahan sumbang mahram di sisi agama dan masyarakat sehingga hukuman yang dijatuhkan benar-benar memusnahkan sebuah keluarga dan keturunannya.⁷⁵

⁷⁴ Disebut hukuman mati untuk kesalahan dalam fasal 4 ini ialah dengan cara rejam. Mengikut hukuman Islam, rejam dilaksanakan dengan membaling batu sampai mati tetapi rejam dalam undang-undang ini bermaksud ditanam (badan) hingga ke paras pinggang. Bagi orang yang menderhaka, hakim-hakim dan orang besar wajib menasihati waris-waris orang yang mati dibunuh tanpa dosanya itu supaya tidak menuntut nyawa sebaliknya mengesyorkan hukum denda iaitu nyawa orang yang membunuh itu digantikan dengan harga kerbau lembu atau digantikan harga unta. Alasannya, Islam lebih suka jika hukuman bunuh dapat dielakkan agar si pelaku merasa insaf dan diberi peluang untuk menebus dosa dengan beribadat kepada Allah. Jika waris tidak bersetuju, hukuman bunuh tetap dijalankan. Sebaliknya jika waris bersetuju, hakim akan menentukan jumlah denda yang dikenakan dengan maksimanya 1,500 emas. Jadi segala kerbau lembu dan harta benda terpaksa dijual untuk diserahkan kepada waris orang yang dibunuh tadi. Keadaan ini disifatkan sebagai “serupa dengan orang yang mati sungguhpun tidak merasa sengsara.” Harta-harta yang dirampas itu dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu dua pertiga bahagian diserahkan kepada waris orang yang dibunuh dan satu pertiga bahagian menjadi hak baitulmal. Sekiranya si pelaku tidak mempunyai harta benda, dia dihukum mengerjakan bendang untuk tuan mas. Dia kini menjadi orang ber hutang.

⁷⁵ Kes sumbang mahram tidak muncul dalam *Undang-Undang Kedah* versi Winstedt mahupun dalam *Undang-Undang Melaka* meskipun soal kesalahan seks banyak disentuh dalam *Undang-Undang Melaka* dan *Undang-Undang Laut Melaka*. Dalam *Undang-Undang Melaka* terdapat sekurang-kurang empat jenis kesalahan yang sering diulang fasalnya yang ada kaitan dengan wanita. Fasal-fasal itu ialah:

Selain masalah sumbang mahram, perbuatan melarikan hamba, tunangan atau anak orang bukanlah perkara luar biasa di dalam masyarakat Melayu Kedah sebelum penjajahan. Malah sehingga abad ke-20 perkara seperti ini masih berlaku dalam masyarakat Melayu di negeri itu. Hukuman yang dikenakan ke atas kesalahan melarikan hamba, anak atau tunangan orang dijalankan mengikut status atau pangkat keluarga orang yang melakukan perkara tersebut di samping memberi ruang kepada campur tangan raja sebagaimana yang ditunjukkan di bawah:

Dan perkataan undang-undang, apabila rayat bapanya tiada bergelar melarikan anak orang atau hutang-hutangan orang, hukumnya (?) disula dan dichanang tiga hari. Apabila anak hulubalang bapanya bergelar melarikan anak orang atau tunangan orang, hukumnya taazirkan tujuh hari, supaya jangan jadi tuladan kepada “amm dan khas. Di dalam itu lebih ijтиhat raja pula hukum itu yang mengira-mengirakan dia.”⁷⁶

Hukuman juga bergantung kepada sama ada perakuan itu berlaku secara rela atau paksa. Bagi kesalahan melarikan hamba orang, denda sebanyak tiga tahil sephaa dikenakan. Namun jika hamba itu dilarikan secara paksaan, orang yang melakukan perbuatan itu terpaksa membayar denda mengikut hukum raja dan juga membayar kepada tuan hamba itu sepuluh emas. Jika dia ingin mengahwini gadis hamba tersebut, pernikahan boleh dilangsungkan sekiranya memenuhi hukum syarak. Namun dalam kes seperti ini, lelaki berkenaan harus bersedia menerima keadaan baru iaitu terpaksa menjadi anak mas (menjadi hamba sebagaimana isterinya) dan dikenakan denda tiga tahil sahaja. Jika denda tidak mampu dibayar, beliau akan menjadi orang berhutang.

-
1. mengambil isteri orang (fasal 5.4, 6.3, dan 14.2)
 2. menggoda anak isteri orang, tunang orang dan hamba orang (fasal 12.1, 18.1, 18.3)
 3. rogol (fasal 12.2, 15.5, 15.6)
 4. berzina (fasal 40.1)

Lihat, Liaw Yock Fang (peny.) 1976. *Undang-Undang Melaka*, The Hague: Martinus Nijhoff, fasal-fasal yang berkenaan sahaja

⁷⁶ R. O. Winstedt, "Kedah Laws," Undang-Undang Pelabuhan 1060, fasal 36, hlm 25.

Sekiranya gadis hamba orang itu enggan berkahwin dengannya tetaplah dia menjadi orang merdeka.

Bagi perbuatan melarikan gadis hamba orang untuk dijual, si pelaku dikenakan denda sebanyak lima tahil sepha. Jika perbuatan itu dilakukan oleh seorang hamba, tuan kepada hamba berkenaan perlu menebus hambanya itu. Sekiranya tuan hamba itu enggan berbuat demikian, terserahlah kepada hakim untuk membuat keputusan berdasarkan budi bicaranya. Biasanya untuk kesalahan seperti ini, hamba berkenaan akan diserahkan kepada penghulu Wang Raja untuk membuat kerja luar dan dalam kampung. Kedudukan mereka ini disebut tidak ubah seperti orang “darah mati.”⁷⁷ Namun hukuman berat menunggu sekiranya melarikan hamba raja atau hamba pembesar. Mereka yang terbabit dengan kesalahan ini akan dihukum bunuh atau disebat 80 kali.⁷⁸

Bagi kesalahan melarikan tunangan orang, terdapat dua hukuman samada dihukum bunuh atau dikenakan denda sepuluh tahil sepha dan dikahwinkan dengan digandakan mas kahwinnya. Sekiranya wali perempuan itu tidak bersetuju mereka dikahwinkan, hukuman dera⁷⁹ dan denda lima tahil sepha dikenakan ke atas kedua-dua mereka. Jika waris perempuan berhasrat melepaskan perempuan itu daripada hukuman dera, mereka perlu membayar lima tahil sepha. Walau bagaimanapun, si pelaku lelaki tadi tidak akan terlepas daripada hukuman dan jika tidak mampu membayar denda berkenaan dia akan menjadi orang ber hutang.

⁷⁷ “Darah mati” bermaksud tidak berguna lagi.

⁷⁸ Ku Din Ku Meh, *Undang-Undang Kedah*, fasal 12.

⁷⁹ Jumlah dera yang dikenakan ini tidak dapat dipastikan kerana tulisan dalam teks Undang-Undang Kedah salinan 1893 tidak terang di bahagian yang berkenaan. Dera dalam konteks ini bermaksud sebatan.

Jika yang dibawa lari itu anak orang, dendanya ialah setahil sepha dan disuruh mengahwini gadis itu dengan syarat walinya mengizinkan. Dalam keadaan ini mas kahwin akan digandakan. Namun sekiranya wali kuat gadis itu tidak memberi izin, lelaki dan gadis itu tidak boleh dikahwinkan sebaliknya dikenakan denda. Jika wali yang tidak mengizinkan itu bukan wali yang kuat, hakim mempunyai kuasa samada untuk memaksa mereka dikahwinkan. Hukuman yang lebih berat menanti hamba yang melarikan anak orang iaitu hukuman bunuh melainkan sekiranya hamba tersebut ditebus oleh tuannya (harganya berganda), terlepas beliau daripada hukuman tersebut. Hukuman yang sama dikenakan bagi hamba yang melarikan tunangan orang. Hamba itu boleh terlepas daripada hukuman bunuh hanya sekiranya wali perempuan itu memaafkan kesalahannya. Walau bagaimanapun si pelaku tadi masih perlu membayar denda setahil sepha kerana kesalahan melarikan orang.⁸⁰ Kesalahan melarikan seseorang juga menjadi satu saluran bagaimana orang yang merdeka itu boleh bertukar taraf menjadi orang berhutang kerana apabila denda tidak dapat dibayar, pesalah terpaksa menggantikan denda itu dengan berkhidmat kepada orang tersebut sehingga selesai harga denda tersebut dibayar.

Daripada peruntukan-peruntukan di atas dapat dibuat kesimpulan bahawa melarikan orang merupakan masalah sosial yang kerap berlaku di Kedah pada waktu undang-undang itu digubal sehingga beberapa peraturan terpaksa diadakan untuk melindungi mangsa dan menghukum pesalah. Cuma agak menarik, berbeza pula dengan *Undang-Undang Melaka* yang menyentuh hukuman berat terhadap kesalahan melarikan

⁸⁰Ku Din Ku Meh, *Undang-Undang Kedah*, fasil 12.

isteri orang, kesalahan ini tidak pula disebut dalam fasil *Undang-Undang Kedah*.⁸¹ Perbuatan melarikan orang juga menjadi fenomena biasa di abad terkemudian. Pada Oktober 1891, tiga orang lelaki Melayu telah ditangkap di Seberang Perai kerana kesalahan melarikan tiga orang wanita Melayu dari Kedah. Raja Muda Kedah kemudiannya memohon kerjasama Residen Konsular Pulau Pinang untuk membawa pulang pesalah tersebut untuk dibicarakan di Kedah.⁸² Dalam satu kes yang berlaku pada 11 Jun 1893, seorang Melayu dari Pulau Pinang yang bernama Kasimsa yang merupakan seorang pemain wayang di Kedah, telah melarikan seorang budak perempuan Cina berusia 15 tahun anak kepada seorang peniaga Cina di Kedah.⁸³

Secara keseluruhannya, wanita Melayu sebagai sebahagian daripada masyarakat terikat kepada peraturan sosial yang sama. Mereka merupakan pekerja yang turut mencari rezeki untuk menampung keperluan ekonomi sekeluarga, mempunyai peranan tertentu dalam lingkungan kemasyarakatan dan tidak terkecuali daripada terdedah kepada masalah sosial berhubung fungsi seksual mereka. Peranan dan sumbangan mereka dalam konteks kemasyarakatan, walau bagaimanapun, amat terbatas kepada perkara-perkara yang berkait dengan sifat semulajadi mereka. Keadaan ini berkait rapat dengan prejedis masyarakat waktu itu yang melihat kaum wanita sebagai golongan yang lemah, mudah diputerbelitkan dan justeru itu perlu dilindungi. Tanggapan sebegini

⁸¹ Dalam *Undang-Undang Melaka*, kesalahan melarikan isteri orang merupakan kesalahan yang tidak boleh diampunkan dan dihukum bunuh. Malah orang yang menuduh orang lain melarikan isteri orang juga akan dijatuhi hukuman bunuh jika didapati tuduhan itu tidak benar. Lihat Liaw Yock Fang, *Undang-Undang Melaka*, fasil 6.3 dan fasil 14.2.

⁸² SMSAH, T. M 1890-1895 T. H. 1308-1313, No. 5, “Rencana Surat Beri Pada Tuan Skinner Residen Konsular Pulau Pinang Pasal Chin dan Hassan dan Angis Bawa Pelari Budak-Budak. Tunku Jalil Sudah Tangkap Di Polis Seberang Perai Pinta Ia Serah Pada Ismail.”

⁸³ Ibid., “Rencana Surat Raja Muda Beri Kepada Tuan Skinner Residen Konsular Pulau Pinang Pasal Kasimsa Bawa Pelari Anak Cina Chan Eng.” Lihat juga, “Rencana Surat Beri Kepada Tuan Skinner Residen Pulau Pinang Fasal Sudah Jatuh Hukum Di Atas Bakar Orang Singkir Yang Pelari Anak Dara Mat Arshad dan hantar Surat-Surat Periksa Bakar dan Mat Arshad itu.”

menyebabkan peranan wanita dalam aspek kemasyarakatan dan juga kuasa amat terbatas malah mereka tidak dibenarkan menjadi saksi sebarang pengadilan kes. Kaum wanita di zaman Melaka, misalnya, tidak boleh menjadi saksi (walau seberapa ramai) dalam soal ekonomi seperti berjual beli, pengembalian barang-barang yang dibeli, hal-hal yang berkaitan pembelian dan keselamatan bermiaga, tidak boleh menjadi penjamin untuk sebarang tuntutan atau penjamin untuk membatalkan perjanjian. Mereka hanya boleh menjadi saksi dalam perkara yang berkaitan dengan kelahiran, kehamilan, datang haid, perdaraan dan hilang dara.⁸⁴

Keadaan yang sama kelihatan di Kedah. Wanita yang telah berkahwin tiga kali dan wanita yang mengandung yang tidak berkahwin tidak boleh menjadi saksi dalam mana-mana perbicaraan. Di samping itu pemabuk, penghisap candu, peminta sedekah, orang buta, pekak, hamba yang tidak setia, sahabat dan juga musuh kepada mana-mana pihak yang sedang dibicarakan, orang yang berumur lebih daripada 70 tahun, kanak-kanak yang berusia kurang daripada tujuh tahun, orang yang mengidap penyakit yang menjijikkan dan orang yang kurang cerdik iaitu yang tidak boleh membilang satu hingga sepuluh juga tidak boleh menjadi saksi atau memberi keterangan.⁸⁵ Syarat seperti ini kelihatan bersifat universal kerana ia turut kelihatan dalam kanun-kanun negara lain seperti di Burma. Dalam *Kanun Burma* disebut orang yang sakit, orang tua, perempuan joget, pelacur, dan wanita yang mengandung adalah antara mereka yang tidak boleh muncul sebagai saksi dalam mana-mana perbicaraan. Di samping itu orang lain yang tidak boleh menjadi saksi termasuk pemabuk, penghisap candu, peminta

⁸⁴ Liaw Yock, Fang, *Undang-Undang Melaka*, fasal 26 dan 37.2.

⁸⁵ Mustafa bin Tam 1970. "A Note of Laws and Punishments in Bygone Kedah," *KDSS*, 4 (1), hlm. 36.

sedekah, hamba yang tidak setia, sahabat dan juga musuh.⁸⁶ Alasan terhadap sekatan ini baik di Burma mahupun di Kesultanan Melayu Melaka dan Kedah tidak pula diketahui namun berkemungkinan ia berkait dengan isu moral dan keadaan orang yang berpenyakit yang tentunya tidak boleh diharapkan untuk memberi keterangan yang boleh dipercayai dalam sesuatu pengadilan.

Pembatasan ini secara tidak langsung menunjukkan dalam masyarakat Melayu tradisional, wujud pembahagian gender yang tegas dari segi tugas dan fungsi dalam masyarakat. Kaum wanita tidak mempunyai kuasa pemutus untuk perkara-perkara penting dalam kehidupan termasuk soal menentukan jodoh. Apa yang dapat digambarkan dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* dan *Undang-Undang Kedah*, anak-anak perempuan tidak mempunyai hak untuk menentukan bakal suami malah keputusan membenarkan sesuatu perkahwinan itu terletak sepenuhnya di tangan bapa gadis berkenaan sebagai wali yang kuat. Tidak timbul soal samada perkara tersebut telah dirujuk dan mendapat persetujuan anak perempuan terlebih dahulu. Wanita dan anak gadis dikahwinkan untuk menjadikan sesebuah negara itu “berpermaisuri” bagi kelas pemerintah sementara di peringkat rakyat menjadikan seorang lelaki itu “mempunyai isteri” atau untuk menutup malu jika anak-anak perempuan itu dilarikan orang atau menjadi mangsa rogol.

Wanita Orang berhutang dan Hamba Abdi

Berbanding wanita kerabat dan bangsawan yang kehidupan dan keselamatan diri mereka lebih terjamin kerana pengaruh suami lebih ditakuti oleh rakyat biasa dan rumah kediaman dikawal setiap masa, rakyat biasa pula terikat kepada peraturan yang dibuat

⁸⁶ V. Sangermano, *A Description of the Burmese Empire*, hlm. 237.

oleh penghulu atau ketua kampung dalam soal menjaga sahsiah dan keselamatan kampung. Keadaan menjadi lebih buruk sekiranya penghulu sendiri bersikap memeras dalam segenap hal. Dari segi kekayaan penghulu merupakan kelompok yang tidak kurang hebatnya berbanding golongan diraja dan bangsawan. Penghulu merupakan wakil pemerintah pusat yang bertanggungjawab mengerah rakyat dan mengutip sewa tanah bagi pihak sultan. Penyelewangan boleh berlaku bila-bila masa. Di tangan mereka, sistem kerah sering disalahgunakan. Rakyat dikerah bukan untuk bekerja untuk kerajaan tetapi untuk diri mereka sendiri. Kutipan masuk ke dalam poket penghulu dan hanya sebahagian kecil sahaja dihantar kepada pertendaharaan negeri. Dengan cara ini penghulu mengumpul kekayaan dan pengaruh.⁸⁷ Tanah-tanah penghulu perlu dibajak dan padi dituai tanpa apa-apa ganjaran. Sistem ini diperbaiki sedikit pada 1905, misalnya, rakyat masih tertakluk kepada kerja kerah tetapi mereka mesti dikecualikan daripada kerja kerah sewaktu musim menanam dan menuai padi. Setiap orang tidak dibenarkan membuat kerja kerah lebih daripada dua bulan dalam masa setahun dan hak untuk mengerah rakyat menjadi milik mutlak kerajaan.⁸⁸

Perbezaan status sosial turut wujud dalam kalangan masyarakat kampung. Selain penghulu, golongan menengah Melayu yang kaya dalam kampung, alim ulama dan bomoh merupakan pengaruh yang berterusan dalam masyarakat Melayu. Kaum wanita golongan ini turut menikmati kekayaan dan penghormatan kerana kedudukan suami masing-masing. Golongan penghulu dan orang kaya biasanya menjadi tumpuan orang

⁸⁷ CO 716 *Kedah Annual Report*, September 1905-Ogos 1906, hlm. 12. Sesetengah penghulu di Kedah di dapati menutup mata atau bersubahat dengan kejadian jenayah dalam kampung seperti mencuri lembu dan menyamun asalkan mereka diberi sedikit habuan.

⁸⁸ *Ibid.*

kampung mengadu kesempitan hidup atau dalam maksud lain, mereka menjadi tempat orang kampung berhutang dan meminta bantuan.

Orang-orang berhutang muncul dalam sejarah negeri-negeri Melayu apabila petani biasa yang terdesak untuk mendapatkan wang dan barang terpaksa meminjam daripada raja, pembesar atau orang kaya dalam kampung. Apabila hutang tersebut tidak dapat dibayar dalam tempoh yang ditetapkan, petani itu bertukar menjadi orang berhutang. Di Kedah, amalan ini dikenali sebagai orang berhutang sementara di Perak, ia lebih dikenali sebagai hamba berhutang. Dalam kes wanita Melayu Kedah, tekanan hutang sebenarnya turut bertanggungjawab menukar taraf wanita biasa menjadi orang berhutang samada melalui hutang sendiri, hutang yang dibuat bersama-sama suami atau mengambil alih hutang suami atau ibubapa yang telah meninggal dunia. Mengikut syarat, pengambilalihan hutang suami hanya boleh berlaku sekiranya hutang-hutang tersebut diketahui oleh anak isteri sebelum kematian suami. Di Perak, wanita yang terbabit perlu membayar tidak lebih satu pertiga daripada jumlah hutang asal suaminya. Peraturan seperti ini biasanya tidak dipatuhi kerana apa yang berlaku pembiutang akan memaksa anak isteri membayar hutang tersebut dalam jumlah yang penuh.⁸⁹ Syarat seperti ini, walau bagaimanapun, tidak dapat dikesan di Kedah. Namun peraturan susut nilai tetap diamalkan sebagaimana di negeri-negeri Melayu lain. Di Kedah, jumlah hutang yang mengikat orang-orang merdeka ini biasanya di sekitar \$30.00 hingga \$150.00. Meskipun terdapat peruntukan untuk susut nilai setiap tahun namun jumlahnya terlalu kecil iaitu antara \$2.00 hingga \$10.00.⁹⁰ Secara umumnya, susut nilai pada setiap tahun ini membolehkan hutang selesai dibayar namun kemungkinan juga tetap ada

⁸⁹ W. E. Maxwell 1890. "Law Relating to Slavery among the Malays," *JSBRAS*, no. 21, hlm. 250-251.

⁹⁰ CO 716 *Kedah Annual Report 1327 (23 Januari 1909 – 12 Januari 1910)*, hlm. 60.

untuk hutang-hutang itu bertambah. Bagi orang berhutang yang berhadapan dengan waktu kecemasan seperti kematian atau menguruskan perkahwinan anak, ruang untuk meningkatkan jumlah hutang semakin terbuka kerana akhirnya mereka terpaksa berhutang lagi kepada tuan mas (pemutang) yang sama.

Di Kedah, kedudukan orang berhutang lebih penting berbanding hamba abdi. Bilangan hamba abdi sangat kecil dan hanya terdapat di rumah sultan dan pembesar. Namun jika dibandingkan dengan negeri-negeri Melayu lain seperti Perak dan Selangor, sistem orang berhutang di Kedah juga tidaklah begitu berpengaruh. Ini adalah kerana di Kedah, sistem ini tidak mendokong peranan politik sedangkan di negeri lain, selain mempunyai nilai ekonomi, hamba berhutang juga menjadi barisan pertahanan kepada seseorang pembesar Melayu. Justeru itu bilangan hamba bakal menaikkan prestij dan kuasa golongan pembesar.⁹¹ Walau bagaimanapun, nilai-nilai ekonomi yang ada pada amalan orang berhutang di Kedah tidak boleh dinafikan. Orang berhutang boleh dikerah untuk melakukan pelbagai pekerjaan seperti kerja pertanian untuk tuan mas dan anggota keluarganya. Perkara ini termaktub dalam kategori orang berhutang sendiri yang boleh dibahagikan kepada beberapa jenis:

1. Orang Berhutang sebagaimana yang dibincang di atas
2. Anak Mas merujuk kepada orang merdeka yang bertukar menjadi hamba berhutang kerana mengahwini hamba sultan atau pembesar
3. Hamba Waris merujuk kepada anak dan isteri hamba berhutang
4. Hamba Bayar merujuk kepada seseorang hamba yang diserahkan oleh tuan mereka kepada orang lain bagi tujuan menyelesaikan hutang tuannya itu.⁹²

⁹¹ W. E. Maxwell, "Law Relating to Slavery Amongst the Malays," hlm. 249. Lihat juga, J. M. Gullick, *Sistem Politik Bumiputera*, hlm. 164.

⁹² C O 716 *Kedah Annual Report 1909*, hlm. 60.

Pembahagian ini dipercayai wujud sejak berakar umbinya amalan orang berhutang. Melalui hamba waris inilah kaum wanita dan kanak-kanak lelaki dan perempuan terjerumus ke dalam kancah orang berhutang kerana apabila si suami berhutang dan tidak mampu membayar hutang tersebut, seluruh ahli keluarganya turut menanggung beban hutang berkenaan. Ia merupakan fenomena sebuah keluarga dan bukannya individu. Di Kedah, orang berhutang yang terlibat dalam kerja pertanian dibahagikan kepada tiga kategori iaitu:

1. Kerja panjang pendek yang termasuk melakukan pelbagai kerja sebagai orang suruhan di rumah tuan mas
2. Kerja dalam bendang iaitu mengerjakan sawah padi milik tuan mas dari membajak sehingga menuai
3. Kerja dalam dusun iaitu menunggu dusun tuan mas.⁹³

Sewaktu orang berhutang melakukan kerja untuk tuan mas, segala keperluan makanan, pakaian serta belanja pengkebumian (tidak termasuk kenduri kematian) orang yang membuat kerja panjang pendek serta anak cucunya ditanggung sepenuhnya oleh tuan mas. Perbelanjaan ini tidak termasuk dalam hutang namun jikalau orang berhutang dan anak cucunya menghilangkan atau merosakkan barang-barang daripada jenis kaca atau perkakas tembaga dan perak, orang yang berhutang terpaksa membayar harga barang terebut.⁹⁴ Begitu juga seseorang orang berhutang terpaksa mengeluarkan belanja sendiri sekiranya beliau ingin mengadakan kenduri kematian. Ini bermaksud orang yang berhutang serta anak isteri sentiasa terdedah kepada keadaan di mana hutang boleh bertambah dan bukannya menyusut. Namun terdapat juga peruntukan yang memberi peluang untuk menyusut hutang, misalnya, jika anak cucu perempuan orang yang

⁹³ *Ibid.*

⁹⁴ Ku Din Ku Meh, *Undang-Undang Kedah*, fasal 11 fasal perantara orang membayar orang berhutang.

berhutang itu dipinang orang, duit belanja kahwin itu akan diterima oleh tuan masnya. Duit ini akan ditolak jumlah hutangnya.⁹⁵

Hubungan tuan mas dan orang berhutang bukan setakat menyelesaikan hutang malah juga hingga kepada soal sosial dan kebajikan. Adalah menjadi tanggungjawab tuan mas memelihara kebajikan orang berhutang yang membuat kerja untuknya malah beliau juga tidak berkecuali daripada dijatuhkan hukuman sekiranya perjanjian ini dicabuli. Sekiranya tuan emas “membuat angkara” iaitu merogol anak cucu orang berhutang walaupun dengan kerelaan gadis berkenaan, tuan mas terpaksa membayar denda dua kali ganda mas kahwin. Belanja ini akan menyusut hutang tersebut. Dalam menangani situasi seperti ini, pengadilan dijalankan tanpa sebarang tolak ansur kerana sekalipun tuan mas bersetuju mengahwini anak cucu si berhutang yang dirogol, denda tetap dikenakan kerana perbuatan merogol. Ia berkait dengan keperluan melindungi maruah gadis dan keluarganya. Namun sekiranya perlakuan itu berlaku dengan kerelaan ibubapa gadis terbabit, denda bayaran mas kahwin itu tidak perlu digandakan. Hukuman yang sama juga dikenakan ke atas anak cucu orang berhutang yang berzina dengan anak cucu tuan masnya. Denda mas kahwin yang digandakan itu semakin meningkatkan jumlah hutang yang perlu dibayar.

Secara umumnya, fenomena orang berhutang ini merupakan satu gangguan kepada kehidupan sosio-ekonomi masyarakat tetapi nampaknya diterima sebagai satu cara hidup pada zaman tradisional terutama dalam masyarakat yang mengamalkan ekonomi pertanian. Menurut Gullick, ia bukanlah satu institusi ekonomi tetapi

⁹⁵ Tetapi jika anak cucu lelaki ingin meminang atau berkahwin, segala perbelanjaan itu tertanggung di atas orang yang memberi hutang.

bertanggungjawab mengikat si berhutang kepada orang yang memberi hutang. Di Kedah, orang berhutang dibenarkan tinggal di kampung mereka sendiri tetapi terikat kepada “kerja panjang pendek,” “kerja dalam bendang,” dan “kerja tunggu dusun” untuk tuan mas, manakala anak isteri mereka pula terpaksa tinggal di rumah tuan mas untuk membantu urusan rumah tangga seperti memasak, membasuh dan juga mengerjakan sawah.⁹⁶ Dari satu segi amalan orang berhutang mengganggu kehidupan di perdesaan kerana ia bertanggungjawab memisahkan kanak-kanak perempuan daripada keluarga mereka. Kanak-kanak ini kehilangan kebebasan, dan meskipun fasal-fasal berhubung soal ini kelihatan memberi peluang kepada mereka kembali menjadi orang merdeka namun ianya tidak begitu mudah berlaku. Lihat sahaja kejadian yang berlaku pada 1892 apabila dua orang kanak-kanak perempuan pengasuh di rumah Tunku Kutam di Alor Star melarikan diri dan menjadi buruan polis kerana kesalahan tersebut. Kedua-dua budak perempuan ini asalnya orang Kedah yang telah lama menjadi pengasuh anak-anak Tunku Kutam. Mereka dipercayai lari ke Kota Kuala Muda tetapi mungkin kerana ketakutan setelah waran tangkap dikeluarkan oleh polis di Pulau Pinang, budak-budak perempuan ini pulang semula ke Kedah, kemudian ditangkap oleh orang-orang Tunku Pok dan diserahkan semula kepada Tunku Kutam.⁹⁷

Walau bagaimanapun, terdapat juga pandangan yang menunjukkan bahawa amalan orang berhutang sebenarnya memberi kebaikan kepada mereka yang terlibat terutamanya dari segi bekalan makanan dan tempat tinggal. Tunku Abdul Rahman,

⁹⁶ J. M. Gullick, *Malay Society in the Late Nineteenth Century*, hlm. 99.

⁹⁷ Lihat SMSAH, T.M. 1890-1895 T.H. 1308-1313, No. 5, di bawah tajuk “Rencana Surat Periksa Kasim orang Kuala Muda Pasal Kata Ia Apa Bawa Senjata Pergi Seberang Kompeni Siasat Cari Budak-Budak Tunku Tam Lari,” dan “Rencana Surat Raja Muda Beri Kepada Konsul Siam Pasal Budak-Budak Tunku Kutam Lari 2 orang.” Surat itu bertarikh 27 Mac 1892. Kes ini menyebabkan soal siasat dijalankan ke atas beberapa orang yang disyaki terlibat namun kesemua mereka menafikan tuduhan tersebut.

Perdana Menteri Malaysia yang pertama, menceritakan zaman kecilnya yang hidup bersama-sama kaum keluarga orang berhutang. Menurut Tunku, orang-orang miskin datang ke istana dan kemudian meninggalkan anak-anak mereka di istana dengan mengharapkan diberi sedikit wang. Tunku menyifatkan tidak wujud perhambaan dalam ertikata yang sebenar kerana orang berhutang dan keluarga diraja hidup sebagai satu keluarga besar di istana malah terdapat hampir 200 orang berhutang tinggal di istana bersama anak isteri mereka sewaktu beliau masih kanak-kanak lagi. Segala perbelanjaan makan dan minum orang berhutang ini ditanggung oleh ayahandanya, Sultan Abdul Hamid. Menurut Tunku, tujuh kawah nasi dimasak setiap kali tiba waktu makan. Dari segi perhubungan sosial tidak wujud sama sekali halangan bagi anak-anak orang berhutang bercampur gaul dengan anak-anak raja malah mereka menjadi rakan sepermainan anak-anak raja. Setelah dikuatkuasakan undang-undang memansuhkan amalan berhutang pada awal abad ke-20, orang-orang berhutang yang sudah biasa dengan kehidupan di istana hilang tempat berlindung. Akhirnya menurut Tunku, ibunya, Che Manjalara memohon kepada Sultan Abdul Hamid agar orang-orang berhutang yang tinggal dengan beliau diberikan tanah untuk membina rumah dan menanam padi.⁹⁸

Dalam aspek perhambaan pula, berbanding negeri-negeri Melayu lain seperti di Perak yang mana perhambaan dilihat sebagai punca pengukuhan kuasa dan kekayaan pembesar-pembesar di negeri itu, perhambaan di Kedah berlangsung dalam skala yang kecil. Kesan pengharaman amalan perhambaan ekoran penaklukan British juga sangat berbeza antara Kedah dengan negeri-negeri lain. Di Perak, tindakan Residen British yang pertama, J. W. W. Birch mengharamkan perhambaan telah menyebabkan tercetus

⁹⁸ Kua Kia Soong, *K. Das & The Tunku Tapes*, hlm. 40.

konflik yang hebat antara Birch dengan sultan dan pembesar-pembesar Melayu sehingga membawa kepada pembunuhan Birch pada 1875. Ini adalah kerana dengan penghapusan tersebut sultan dan pembesar-pembesar Melayu kehilangan punca pendapatan yang lumayan, kehilangan tulang belakang dari segi pertahanan dan secara tidak langsung hilang tunggak dari segi persaingan menonjolkan siapa yang lebih berpengaruh.⁹⁹ Di Kedah, oleh kerana perhambaan tidak begitu berleluasa, pengharaman amalan perhambaan dan orang berhutang pada abad ke-20 tidak pernah mencetuskan sebarang konflik yang serius malah Sultan Abdul Hamid sendiri memulakan langkah menghapuskan amalan ini dengan membebaskan orang berhutang beliau sendiri.¹⁰⁰ Golongan hamba abdi di Kedah hanya terdapat di rumah sultan dan pembesar. Hamba-hamba ini terdiri daripada orang Afrika yang dibawa pulang oleh orang-orang yang pergi menunaikan haji di Mekah. Selain bekerja di istana, hamba-hamba abdi ini juga ditugaskan menjaga tanah perkuburan diraja.¹⁰¹

Hirarki sosial juga wujud dalam kategori perhambaan. Dalam lingkungan istana, kedudukan hamba raja adalah lebih baik berbanding kedudukan hamba biasa. Hamba raja tidak boleh dipinjamkan kepada orang lain malah sesiapa yang menganggu hamba raja akan dihukum bunuh dan sesiapa yang melarikan hamba raja terpaksa membayar 14 kali ganda harga hamba tersebut.¹⁰² Hamba-hamba wanita biasanya tidak dibenarkan berkahwin. Jika dibenarkan berkahwinpun, mas kahwin akan diambil oleh raja. Malah jika seseorang abdi ingin mengahwinkan anak perempuannya, tuannya akan menjadi

⁹⁹ Untuk perkembangan perhambaan di Perak, lihat, W. E. Maxwell. "Law Relating to Malay Slavery", hlm. 247-297. Lihat juga, Patrick Sullivan 1982. *Social Relations of Dependence in Malay State: Nineteenth Century Perak*, Kuala Lumpur: MBRAS, Monograph no. 10.

¹⁰⁰ Lihat perbincangan lanjut tentang perkara ini dalam bab 3.

¹⁰¹ Lihat, Kua Kia Soong, *K. Das & Tunku Tapes*, hlm. 41. Dua orang hamba abdi negro yang ditugaskan menjaga tanah perkuburan semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid ialah Hassan Marjani dan Haji Salam.

¹⁰² W. E. Maxwell, "Law Relating to Malay Slavery," hlm. 253.

wali. Keadaan ini berkekalan sekalipun abdi itu sudah dimerdekan. Jika abdi itu meninggal dunia, segala hartanya menjadi bukan sahaja hak anak lelaki dan isterinya malah juga tuannya mengikut hukum faraid. Bagi hamba abdi yang tidak meninggalkan zuriat pula, segala harta akan jatuh ke tangan tuannya.¹⁰³

Walau bagaimanapun, di kalangan hamba bukan milik raja, kedudukan mereka tidak ubah seperti barang yang boleh diperdagangkan. Golongan hamba wanita tertakluk sepenuhnya kepada tuan mereka. Mereka memberi pelbagai perkhidmatan kepada tuan mereka termasuk juga perkhidmatan seks seperti yang berlaku di Perak.¹⁰⁴ Berlaku curang di belakang tuannya merupakan satu kesalahan yang tidak boleh dimaafkan. Sementara itu anak-anak yang dilahirkan sewaktu menjadi hamba akan diambil dan diwarisi oleh tuannya. Ini secara tidak langsung menambahkan lagi bilangan hamba seseorang tuan itu yang diperolehi secara percuma.¹⁰⁵

Golongan hamba termasuk hamba wanita mempunyai nilai komersil yang tersendiri. Mereka boleh dijual, dipinjamkan atau digadaikan kepada orang lain. Di Kedah, oleh kerana peminjaman hamba merupakan perkara biasa, peraturan-peraturan tertentu diperkenalkan agar proses peminjaman itu berjalan dengan adil dan tidak menganiaya golongan hamba. Sesiapa yang meminjam hamba orang untuk membuat apa sahaja pekerjaan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kebajikan hamba yang dipinjam itu. Sekiranya hamba itu ditimpa kecederaan sewaktu bekerja, orang yang meminjam tadi bertanggungjawab sepenuhnya menanggung perbelanjaan mengubati

¹⁰³ Ku Din Ku Meh, *Undang-Undang Kedah*, fasal 31 Fasal merdeheka hamba-hamba sahaya orangnya.

¹⁰⁴ J. M. Gullick, *Sistem Politik Bumiputera*, hlm. 165-166.

¹⁰⁵ Di Melaka terdapat keadaan yang hampir sama. Misalnya, seseorang hamba wanita yang mempunyai anak sewaktu dibeli atau melahirkan anak semasa di bawah jagaan tuannya yang baru maka anak itu menjadi milik tuan baru itu. Tetapi sekiranya hamba itu menghidap penyakit teruk, dia akan dipulangkan semula kepada tuannya. Lihat, Liaw Yock Fang, *Undang-Undang Melaka*, fasal 31.2.

kecederaan itu. Orang yang meminjam juga terpaksa menanggung segala perbelanjaan pengkebumian, kenduri kematian dan nafkah anak isteri hamba sekiranya hamba itu mati semasa membuat pekerjaan untuk beliau. Tempoh tanggungan ini ialah selama isteri hamba itu berada dalam edah iaitu tiga bulan.¹⁰⁶

Walau bagaimanapun, beban yang terpaksa ditanggung oleh orang yang meminjam hamba menjadi lebih berkurangan sekiranya ia melibatkan kanak-kanak. Jika kanak-kanak itu (lelaki dan perempuan) dipinjam dengan pengetahuan ibu bapanya dan kemudiaannya mati sewaktu bekerja, segala perbelanjaan untuk urusan pengkebumian dan kenduri terpulang kepada belas kasihan orang yang meminjam. Sebaliknya jika kanak-kanak itu dipinjam tanpa pengetahuan ibubapanya, belanja yang harus dikeluarkan oleh orang yang meminjam itu mestilah mengikut apa yang ditentukan oleh ibubapanya. Apabila peminjaman itu melibatkan abdi perempuan yang dikerah membuat kerja menanam padi dan lain-lain tugas tetapi kemudiannya mati semasa membuat pekerjaan itu dengan pengetahuan tuannya, orang yang meminjam didenda setengah harga abdi itu dan terpaksa membayai perbelanjaan urusan pengkebumian. Jika peminjaman itu berlaku tanpa pengetahuan tuannya, orang yang meminjam harus membayar sepenuh harga abdi itu.

Beberapa peraturan juga diperkenalkan untuk membendung perlakuan jenayah terhadap hamba oleh tuan hamba, kaum keluarga mereka serta orang yang meminjam. Apabila hamba wanita dirogol oleh orang yang meminjam, si pelaku dikenakan denda sebanyak 10 emas dan disyaratkan memberi kain baju kepada hamba tersebut. Bayaran

¹⁰⁶Ku Din Ku Meh, *Undang-Undang Kedah*, fasal 13 fasal meminjam orang atau hamba orang atau binatang orang.

ini perlu diberikan kepada tuan hamba abdi itu. Sebaliknya jika didapati berzina maka hukum berzina dikenakan ke atas kedua-dua mereka.¹⁰⁷ Sekiranya seorang abdi wanita diwati (disetubuhi) oleh anak cucu orang yang memegang gadaian tanpa kerelaannya, orang yang memegang gadaian itu perlu membayar denda dua emas. Jika abdi itu mengandung samada oleh perbuatan orang yang memegang gadaian atau anak cucunya, orang yang memegang gadaian itu terpaksa membayar sebahagian harga abdi itu. Sekiranya sewaktu mengandung abdi berkenaan diberi saraan hidup oleh orang yang bertanggungjawab menyebabkan beliau hamil, orang ini berhak mendapatkan bayi yang bakal dilahirkan. Sebaliknya lelaki berkenaan tidak boleh mengambil anak yang dilahirkan itu sekiranya beliau tidak memberi apa-apa perbelanjaan sepanjang tempoh kehamilan abdi perempuan itu.¹⁰⁸

Pendekata, wanita Melayu Kedah di zaman pra penjajahan wujud dalam pelbagai ragam mengikut kategori sosial masing-masing dan memainkan peranan tertentu dari sudut ekonomi, kemasyarakatan dan kuasa. Walau bagaimanapun, berbanding wanita kerabat dan bangsawan, wanita rakyat biasa terlibat secara langsung dalam aspek ekonomi dan lebih terdedah kepada tekanan sosial dalam institusi kekeluargaan dan kemasyarakatan di kampung. Ciri-ciri penglibatan dalam ekonomi ini sebenarnya tidak pernah berubah dengan peralihan yang berlaku dalam pentadbiran kerajaan sejak Kedah membuat perjanjian pinjaman kewangan dengan Siam pada 1905 dan juga dengan kemasukan British pada 1909.

¹⁰⁷ *Ibid.*

¹⁰⁸ *Ibid.*, fasil 23.